05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA TERHADAP LITERASI AWAL AL-QURAN DALAM KALANGAN MURID-MURID PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

AMINUDDIN BIN KHALIT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EARLY READING LITERACY OF AL-QURAN AMONG SLOW LEARNERS PUPILS IN SPECIAL EDUCATION

ABSTRACT

This research aims at comparing the effects of using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK and Kaedah Iqra' of early literacy Al-Quran and motivation of students with learning disabilities in special education classes. This research is a Quasi-Experiment which six students with learning disabilities special education classes in two schools in Hilir Perak was selected for this study. The sample was divided equally into two groups, namely students who learn using Kaedah Iqra' and the group of students who learn using Kaedah Mudah Belajar Membaca Al-Quran KGBK. The results of observations show that students are more motivated to learn using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK as against the Kaedah Iqra'. Differences in achievement scores between the two study groups showed a group of students who learn using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK obtain a higher score ie 90% and increase reading skills faster than the group that studied using Kaedah Iqra' which only obtain a score of 40% . The results showed Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK easier and more effective in teaching beginning reading Al-Quran among students with learning disabilities. Basically, the findings showed that overall, the Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK effective to increase student achievement and motivation in learning the Quran. Teaching and learning of Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK can also increase the level of involvement of the teaching and learning of students in the experimental group. The pattern of findings prove the effectiveness of this approach in teaching methods and learning the Quran specifically in improved performance and attitude among special education students. This study not only provides an alternative module specialized in teaching early reading Al-Quran for pupils with learning disabilities and even managed to produce a very important instrument in learning Al-Quran that can be used by teachers to test the level of literacy Al-Quran pupil more clearly and accurately.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat perbandingan kesan penggunaan Kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dan Kaedah Iqra' terhadap literasi awal Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas. Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini melibatkan enam orang murid bermasalah pembelajaran kelas pendidikan khas integrasi di dua buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak. Sampel kajian dibahagikan sama rata kepada dua kumpulan iaitu kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah Iqra' dan kumpulan murid yang belajar menggunakan Kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran. Hasil pemerhatian menunjukkan murid lebih bermotivasi belajar menggunakan kaedah KGBK Al-Quran berbanding kaedah Iqra'. Perbezaan skor pencapaian di antara dua kumpulan kajian menunjukkan kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran memperolehi skor lebih tinggi iatu 90% dan peningkatan kemahiran membaca lebih cepat berbanding kumpulan yang belajar menggunakan kaedah Iqra' yang hanya memperolehi skor 40%. Pada asasnya dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran berkesan terhadap peningkatan pencapaian dan motivasi murid dalam pembelajaran Al-Quran. Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami juga dapat meningkatkan tahap penglibatan murid pengajaran dan pembelajaran. Pola dapatan yang diperolehi membuktikan kefungsian pendekatan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran khusus dalam mempertingkatkan pencapaian dan sikap dalam kalangan murid pendidikan khas. Kajian ini bukan sahaja dapat menyediakan satu modul alternatif khusus dalam pengajaran awal membaca Al-Quran untuk murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran malah berjaya menghasilkan satu instrumen yang sangat penting dalam pembelajaran Al-Quran yang dapat dimanfaatkan oleh para guru untuk menguji tahap literasi Al-Quran murid secara lebih jelas dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
KANDUNGAN		v
SENARAI RAJAH		vi
SENARAI JADUAL		vii
SENARAI GRAF		viii
SENARAI SINGKATAN		ix
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	6
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Kerangka Teoritikal	20
	1.5 Kerangka Konseptual Kajian	30
	1.6 Tujuan Kajian	33
	1.6.1 Tujuan Umum	33
	1.6.2 Tujuan Khusus	33
	1.7 Objektif Kajian	34
	1.8 Persoalan Kajian	34
	1.9 Kepentingan Kajian	35
	1.10 Batasan Kajian	37
	1.11 Definisi Konsep dan Operasional	38
	1.11.1 Kesan	38
	1.11.2 KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran	38

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.3 Literasi Al-Quran 44

1.11.4 Motivasi 45

1.11.5 Murid Bermasalah Pembelajaran 46

1.12 Rumusan 48

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 49

2.2 Kepentingan Literasi 50

2.3 Masalah Literasi Al-Quran di Kalangan Murid 52

2.4 Kesan Kaedah Pengajaran Terhadap Literasi Al-Quran 58

2.5 Teori dan Kaedah Pengajaran Jawi 60

2.6 Teori Pengajaran Al-Quran 67

2.7 Metod dan Kaedah Pengajaran Al-Quran 69

2.7.1 Kaedah Talaqqi Musyafahah 73

2.7.2 Kaedah Tasmik 74

2.7.3 Kaedah Tadarrus 74

2.7.4 Kaedah Tikrar 75

2.7.5 Kaedah Bagdadiah 75

2.7.6 Kaedah Qiraati 76

2.7.7 Kaedah Hattawiyah 77

2.7.8 Kaedah Kalam 77

2.7.9 Kaedah Al-Hira’ 79

2.7.10 Kaedah Al-Jabari 79

2.7.11 Kaedah Iqra’ 80

2.8 Kajian Pengajaran Al-Quran Terhadap Motivasi 83

2.9 Rumusan 84

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 86

3.2 Reka Bentuk Kajian 88

3.3 Kaedah KGBK Mudah Belajardan Fahami Al-Quran 92

3.4 Subjek Kajian 106

3.4.1 Pemilihan Sekolah 106

3.4.2 Pemilihan Sampel Kajian 107

3.4.3 Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas 109

3.5 Alat Ukur Kajian 110

3.5.1 Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran 110

3.5.1.1 Panduan Mentadbir Ujian Pencapaian 112

3.5.2 Temubual Guru 113

3.5.3 Temubual Murid 114

3.5.4 Catatan Pemerhatian 114

3.5.5 Rakaman Video 115

3.6 Kajian Rintis 115

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen 117

3.7.1 Kebolehpercayaan 117

3.7.2 Kesahan 118

3.8 Prosedur Pengendalian Eksperimen 120

3.8.1 Kumpulan Eksperimen 125

3.8.2 Kumpulan Kawalan 126

3.8.3 Perbandingan Kaedah Pengajaran 128

3.8.4 Perancangan Kajian Di Sekolah 134

3.9 Pelaksanaan Kajian Di Sekolah 138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Tatacara Pemerolehan Data 142
3.10.1 Ujian Pencapaian 142
3.10.2 Temu bual Guru dan Murid 142
3.10.3 Catatan Pemerhatian 143
3.10.4 Rakaman Video 144
3.11 Tatacara Analisis Data 144
3.11.1 Markah Pencapaian Literasi Al-Quran 146
3.11.2 Data Temubual Guru 148
3.11.3 Data Temubual Murid 149
3.11.4 Catatan Pemerhatian 149
3.11.5 Rakaman Video 150
3.12 Rumusan 150

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 152
4.2 Proses pengajaran dan pembelajaran 153
4.2.1 Sekolah A - Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran (KE) 154
4.2.2 Sekolah B – Kaedah Iqra’ 173
4.2.3 Catatan Pemerhatian (KE) 189
4.2.4 Catatan Pemerhatian (KK) 193
4.2.5 Kesimpulan Pemerhatian 196
4.3 Skor pencapaian individu 198
4.3.1 Perbezaan Ujian Pra KE dan KK 198
4.3.2 Perbezaan Ujian Pos KE dan KK 201
4.4 Perbezaan skor pencapaian kumpulan 212

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan 212

4.4.2 Temubual Guru dan Murid 228

4.5 Rumusan 230

BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 232

5.2 Ringkasan Kajian 233

5.3 Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian 234

5.4 Rumusan Dapatan Kajian 237

5.5 Cadangan 238

5.6 Implikasi Kajian 239

5.7 Sumbangan Dapatan Kajian 240

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan 242

5.9 Rumusan 243

RUJUKAN 245

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Isahak Haron (2005) Kaedah Mengajar Literasi (Awal Membaca dan Menulis)	27
1.2	Dibina berdasarkan Isahak Haron (2005) KGBK Mudah Belajar Jawi	28
1.3	Diubahsuai berdasarkan Bloom, S. B. (1976) *Human characteristic and school learning*	29
1.4	Kerangka Konsep :Diubahsuai daripada Misnan Jemali(2008): Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah	33
2.1	Graf : Tahap sebutan bunyi huruf	54
3.1	Reka Bentuk Kajian	91
3.2	Carta alir pelaksanaan kajian di sekolah	141

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ujian Pra dan Ujian Pos	90
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	119
3.4	Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Mengikut Kumpulan	127
3.5	Perbandingan Kaedah	133
3.6	Perancangan Pelaksanaan Kajian	137
3.8	Skor Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran	147
4.1	Perbezaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dan Kaedah Iqra’	197
4.2	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	198
4.3	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	199
4.4	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	201
4.5	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	202
4.6	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	203
4.7	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	204
4.8	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	205
4.9	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KK di sekolah B	206
4.10	Analisis Ujian Pos (KE dan KK)	211
4.11	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	212
4.12	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	213
4.13	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	214
4.14	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	215
4.15	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	216
4.16	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	217
4.17	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	218
4.18	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	219
4.19	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	220
4.20	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	221
4.21	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	222

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.22	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	223
4.23	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	224
4.24	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	225
4.25	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	226
4.26	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	227
4.27	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	228
4.28	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	229
4.29	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	230
4.30	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	231

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI GRAF

No. Graf		Muka Surat
4.1	Analisis Ujian Pra (KE dan KK)	200
4.2	Analisis Ujian Pos (KE dan KK)	211
4.3	Perbezaan Skor (KE dan KK)	226

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KGBK	Kaedah Gabungan Bunyi Kata
KE	Kumpulan Eksperimen
KK	Kumpulan Kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang dikurniakan Allah swt kepada junjungan besar Nabi Muhammad saw. Al-Quran bukan sahaja diwahyukan sebagai sumber perundangan Islam malah sebagai panduan yang meliputi segala aspek kehidupan manusia sejagat. Di dalam khutbah terakhir Nabi Muhammad saw pada tanggal 10 Zul Hijjah, baginda berpesan kepada umatnya bahawa terdapat dua perkara yang baginda tinggalkan untuk umatnya yang bilamana mereka berpegang teguh dengan dua perkara tersebut dijamin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa mereka tidak akan sesat selamanya iaitu ; Al-Quran dan As Sunnah. Kaedah dan cara Al-Quran diturunkan Allah adalah dengan

mengikut keadaan dan suasana yang memerlukan dan diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun, iaitu 13 tahun di Mekah manakala 10 tahun di Madinah.

Hikmah dan tujuan Allah menurunkan Al-Quran secara beransur-ansur atau tadarruj ialah supaya mudah difahami dan dihafaz, Sheikh Abdullah (1995), Misnan Jemali (2008). Kaedah yang sama akan dipraktikkan di dalam kajian ini iaitu sistem pengajaran secara bertahap atau mengikut aras berdasarkan kaedah pedagogi. Malah pengajaran secara beransur-ansur bukan sahaja akan membantu murid untuk lebih memahami bahkan dapat meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran. Nabi mengajar Al-Quran kepada para sahabat dengan menggunakan kaedah dan teknik secara tadarruj iaitu sedikit demi sedikit dan cara pengajaran tersebut merupakan yang terbaik dan berkesan. Allah s.w.t berfirman dalam Al-Quran :

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ
قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾ كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٢١﴾

(Al-Quran, Surah Qiamah 75 : 16-21)

16. Jangan kamu menggerakkan dengan Al-Qur’an kepada lidahmu untuk mempercepat dengannya 17. Sungguh atas tanggungan Kami penyampaian secara globalnya dan pembacaannya 18. Maka apabila Kami telah membacakannya maka ikutilah bacaannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

19. Kemudian sungguh atas tanggungan Kami pula penyampaian secara perinciannya 20. Sekali-kali janganlah demikian, sebenarnya kamu (hai manusia) mencintai dunia 21. Dan meninggalkan kehidupan akhirat". Al-Quran Surah al-Qiyamah.75 : 16-21.

Peringatan dan pesanan supaya berpegang teguh kepada Al-Quran telah membuktikan betapa pentingnya umat Islam untuk menguasai pembelajaran Al-Quran dalam mendepani cabaran dalam kehidupan. Malah Islam menuntut agar umatnya memahami konsep mempelajari Al-Quran dengan menguasai bacaan, kefahaman, penghayatan, hafazan, tarannum dan meneruskan pengajaran kepada generasi selanjutnya (al-Badry 1983, Mohd Yusof 2000, Misnan Jemali 2008). Pertumbuhan pusat pengajian Al-Quran di Malaysia pada masa kini sangat menggalakkan. Senario ini disebabkan permintaan dan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap peri pentingnya pembelajaran Al-Quran di dalam kehidupan. Walaubagaimanapun, wujud sebilangan murid yang masih sukar untuk membaca dan memahami Al-Quran.

Apabila kita berbicara mengenai pembelajaran Al-Quran, ia bermula dengan kemampuan dan kemahiran seseorang menguasai asas pembelajaran Al-Quran iaitu mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi di peringkat pembelajaran awal literasi Al-Quran akan membawa masalah pada peringkat seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi murid akan terus bermasalah dan kekal. Masalah literasi yang tidak diatasi di peringkat awal akan memberi kesan negatif kepada murid khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran. Jika ramai murid gagal membaca Al-Quran ia akan menyebabkan masyarakat semakin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jauh daripada penghayatan terhadap Al-Quran. Situasi ini pastinya akan merugikan umat Islam keseluruhannya yang tidak dapat menikmati kelebihan dan keistimewaan Al-Quran. Al-Quran mempunyai kelebihan sebagai kalam Allah yang qadim, di mana orang yang membaca, mendengar, menghafaz, belajar dan mengajar semuanya akan menikmati kelebihan Al-Quran (Mohd Yusuf 2000).

Sesungguhnya umat Islam sangat dituntut mempelajari Al-Quran. Bahkan membaca Al-Quran merupakan satu ibadat yang akan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT. Penguasaan kemahiran membaca Al-Quran seterusnya akan membantu umat untuk memahami dan menghayati Al-Quran kerana Al-Quran merupakan kalam Allah yang syumul merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh dalil-dalil dari al-quran dan hadis yang membicarakan tentang kelebihan bagi mereka yang membaca, memahami dan beramal dengan apa dituntut di dalam Al-Quran. Di antara dalil dari Al-Quran adalah :

Allah SWT telah berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتۡلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُواْ مِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ سِرّٗا وَعَلَانِيَةٗ
يَرۡجُونَ تِجَٰرَةٗ لَّن تَبُورَ ٢٩ لِيُوَفِّيَهُمۡ أُجُورَهُمۡ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ غَفُورٞ
شَكُورٞ ٣٠

(Al-Quran, Surah Faathir 35 : 29-30)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

29. Sesungguhnya orang-orang Yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa Yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan Yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan Yang tidak akan mengalami kerugian;

30. supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas Dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang Yang bersyukur kepadanya). Al-Quran, Surah Faathir 35 : 29-30

Dalil tersebut telah membuktikan kelebihan yang akan diperolehi oleh mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup. Sesungguhnya usaha mereka akan diberi jaminan oleh Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Allah Ta’ala juga berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

(Al-Quran, Surah Al-Ahzab 33 : 41-42)

41. Wahai orang-orang Yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah Dengan ingatan serta sebutan Yang sebanyak-banyaknya;

42. dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang.

Al-Quran, Surah Al-Ahzab 33 : 41-42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari hakikat pentingnya usaha untuk mengatasi masalah literasi Al-Quran di kalangan murid-murid, kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran terhadap literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kaedah ini pada asasnya dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata yang telah digubal oleh Isahak Haron (1979). Kaedah Gabungan Bunyi Kata dibina untuk kaedah pengajaran awal membaca dan menulis Bahasa Melayu di kalangan murid-murid pra sekolah dan sekolah rendah untuk mengatasi masalah murid membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu misalnya program LINUS. Manakala Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran dibina untuk membantu meningkatkan literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana kaedah ini dapat membantu murid bermasalah pembelajaran membaca Al-Quran disamping melihat tahap motivasi murid semasa proses pembelajaran dijalankan.

1.3 Latar Belakang Kajian

Kemahiran membaca merupakan asas untuk menguasai ilmu yang lebih bermakna. Kegagalan menguasai kemahiran membaca pastinya memberi impak negatif kepada murid untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Kegagalan ini bukan sahaja akan memberi kesan terhadap proses pembelajaran malah turut memberi impak negatif terhadap aspek-aspek akademik yang lain. Kegagalan ini juga akan memberi kesan kepada pembentukan konsep-kendiri negatif dan masalah sosio-emosi. Kesan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesan tersebut akhirnya akan menjadikan suasana pembelajaran di sekolah menjadi tidak bermakna dan membosankan.

Menurut Azila Alias (2008) dalam kajiannya yang bertujuan membuat perbandingan keberkesanan perlaksanaan tiga pendekatan pengajaran awal membaca Bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak tabika dalam bilik darjah iaitu Kaedah Abjad, Kaedah Seluruh Perkataan dan kaedah Gabungan Bunyi Kata menyatakan bahawa membaca bukanlah suatu proses yang mudah. Ia adalah gabungan beberapa proses yang kompleks. Membaca menggabungkan beberapa kemahiran, iaitu kemahiran pengamatan yang diskriminatif (mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf), kemahiran mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas, menyebut bunyi-bunyi yang dilambangkan oleh huruf-huruf, menggabungkan penyebutan bunyi-bunyi itu untuk membentuk perkataan dan berkebolehan pula memindahkan lambang-lambangyang dibacanya itu kepada sistem saraf pusat (otak) untuk menterjemah dan memahami apa yang dibacanya.

Penyataan tersebut membuktikan bahawa proses pembinaan kemahiran membaca memerlukan gabungan semua aspek pembelajaran seperti kesesuaian sukatan pelajaran, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, aspek pedagogi yang sesuai, mudah dan mampu meningkatkan tahap literasi dan motovasi murid untuk belajar. Beberapa isu yang perlu difikirkan dalam menghadapi masalah pengajaran tilawah Al-Quran pada masa kini, antaranya ialah para guru tidak menggunakan metodologi atau pedagogi yang sesuai seperti disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pengajaran tilawah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Quran di bilik darjah. Persoalan adakah para guru tidak mendapat latihan yang secukupnya sehingga tidak memiliki kemahiran pedagogi yang sewajarnya. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, para guru perlulah diberi latihan yang sesuai khusus untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca. Ketiadaan pendedahan dari aspek kurikulum dan pedagogi, akan memberikan kesan yang negatif kepada guru kerana guru agak sukar merancang pengajaran tahunan dan menyelesaikan sukatan pelajaran dalam masa yang tertentu di samping ketiadaan pendedahan untuk mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik pengajaran (Ramayulis 2005).

Selain kemahiran dan kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran faktor kemudahan juga harus diberi perhatian sewajarnya. Contohnya naskhah Al-Quran, modul pembelajaran yang sesuai, bahan bantuan mengajar, kelas dan suasana persekitaran pembelajaran. Selain itu, beberapa faktor penting lain yang menyebabkan pengajaran Al-Quran tidak tercapai seperti dikehendaki oleh kurikulum pendidikan Al-Quran perlu segera diatasi. Oleh itu, kajian yang lebih jelas dan teliti perlu dijalankan. Kajian perlu dijalankan dari aspek kesesuaian susunan sukatan pelajaran tilawah Al-Quran dengan tahap kemahiran dan kemampuan pelajar di sekolah.

1.4 Penyataan Masalah

Sektor Data Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan dalam “Quick Facts 2013-Malaysia Educational Statistics” Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa bilangan murid-murid yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di sekolah menengah pada tahun 2011 ke 2013 telah meningkat iaitu dari 17,093 ke 21,560 orang. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan bilangan murid-murid yang mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) pada tahun 2011, 2012 dan 2013.

Jadual 1.1

Bilangan Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Sekolah Menengah

2011	**2012**	**2013**
17,093	19,113	21,560

Antara faktor berlakunya peningkatan bilangan murid pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di sekolah menengah adalah kegagalan murid untuk menguasai kemahiran membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha membina dan meningkatkan dasar kurikulum pelajaran yang lebih efektif dan dinamik sesuai dengan tuntutan semasa. Gelombang baru ini juga telah menetapkan sasaran khusus untuk mengatasi masalah 2M (membaca dan menulis) di sekolah. Melalui perlaksanaan pelbagai program yang menggunakan kaedah yang sesuai dan berkesan termasuk program LINUS (literasi dan numerasi), matlamat untuk melahirkan murid celik 2M menjelang 2015 pastinya boleh dicapai. Sememangnya usaha meningkatkan kemahiran membaca pada peringkat awal amat penting bagi mengatasi masalah membaca dalam pendidikan formal dan kejayaan masa depan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Usaha untuk membangunkan generasi celik Al-Quran di sekolah-sekolah telah dilaksanakan secara berterusan sejak dahulu sehingga waktu ini dengan berbagai-bagai pendekatan, strategi dan kaedah seperti kaedah Baghdadi, Iqra', 'Qiratu, Barqi, dan Muyassar (Mohd Zohdi et.al. 2003). Walaupun begitu, terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan masih ramai pelajar lemah menguasai tilawah Al-Quran dari aspek membaca, memahami dan menghafal Al-Quran (ayat tertentu) di sekolah-sekolah (Maimunah 1995; Che Pee 1993; Muhammad 1992; Zainal Abidin 1990; dan Abdul Rahman 1987).

Selain usaha yang berterusan dalam meningkatkan literasi Al-Quran, Kementerian Pelajaran juga turut melaksanakan program J-Qaf yang menekankan empat komponen utama dalam Pendidikan Islam iaitu Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain'. Usaha yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Tun Abdullah bin Ahmad Badawi sewajarnya dihargai setiap lapisan masyarakat. Namun persoalannya adalah sejauhmanakah kaedah yang digunakan dalam program J-Qaf dapat membantu meningkatkan prestasi murid dalam Pendidikan Islam. Bahkan isu yang perlu diberi perhatian adalah kesan kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah literasi Jawi dan Al-Quran di kalangan murid. Kaedah yang sesuai dan mudah dipelajari sangat penting kerana ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan tahap literasi Al-Quran bahkan dapat meningkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Firman Allah s.w.t :

فَٱقۡرَءُواْ مَا تَيَسَّرَ مِنۡهُ

(Al-Quran, Surah Al-Muzammil 73 : 20)

“Kemudian bacalah sesuatu yang mudah bagimu daripada Al-Quran”

Al-Quran, Surah Al-Muzammil 73 : 20

Walaupun Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia, telah dan sedang melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah seperti pendekatan kaedah al-Baghdadi, Kaedah Iqra’ dan Kaedah Hatawiyah, namun masih terdapat ramai pelajar di sekolah rendah dan menengah yang masih lemah dalam menguasai Al-Quran (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi 2003). Banyak faktor yang menyebabkan pelajar masih lemah dalam penguasaan Al-Quran antaranya ialah faktor amalan pengajaran Al-Quran di bilik darjah di kalangan guru di sekolah masih di tahap minima. Menurut Misnan Jemali (2008), pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah menengah perlu dibuat kajian untuk melihat apakah faktor sebenar masalah kelemahan pelajar dalam menguasai Al-Quran dari aspek membaca, memahami dan menghafaz, sedangkan guru-guru Al-Quran mendapat latihan-latihan perguruan dari institusi-institusi perguruan yang secukupnya. Kajian ini sangat diperlukan untuk meneruskan usaha mengenalpasti masalah yang dihadapi seterusnya mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan pengajaran Al-Quran di sekolah dan masalah-masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran Al-Quran. Misnan Jemali (2006), telah menjalankan kajian bertajuk Metodologi Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian membaca Al-Quran di sekolah menengah harian berada di tahap paling rendah. Ini menunjukkan bahawa pengajaran Al-Quran di sekolah menengah tidak berjalan dengan baik dan tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara faktor kegagalan pelajar menguasai Al-Quran yang dikemukakan oleh pengkaji adalah kerana pengajaran Al-Quran di sekolah menengah berada di tahap sederhana dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran iaitu pedagogi. Berdasarkan kajian tersebut, beliau melihat bahawa pendekatan pengajaran Ibnu Khaldun tentang menyelesaikan sesuatu topik kemudian berpindah ke topik yang baru adalah sangat sesuai dengan pengajaran al-Quran di bilik darjah contohnya seperti mengajar membaca surah al-Fatihah setelah tercapai objektifnya, maka bolehlah berpindah kepada surah An-Nas.

Misnan Jemali (2008), juga telah menjalankan satu lagi kajian berkaitan Al-Quran iaitu Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah-sekolah Menengah. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan 4 seramai 2116 orang dari 25 buah sekolah menengah harian terpilih di negeri Perak. Dalam kajian ini seramai 56 orang guru telah ditemubual manakala seramai 40 orang guru dilihat melalui pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kajian ini menggunakan 3 set soal selidik yang melibatkan pelajar, temubual guru dan permerhatian guru. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru di tahap sederhana kerana kurang penggunaan alat bantu mengajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Saidi Mohd (2008), telah menjalankan kajian yang bertajuk Keupayaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat : Kajian di Beberapa Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu. Kajian ini melibatkan sampel seramai 320 orang pelajar tingkatan empat dari 10 buah sekolah menengah di Terengganu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keupayaaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa masalah dan kelemahan pelajar dalam bacaan Al-Quran masih wujud. Kajian tersebut menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang gagal dalam ujian bacaan Al-Quran yang dijalankan dan tidak kurang juga yang mencapai tahap cemerlang. Walaupun pada keseluruhannya peratus kelulusanyang diperolehi agak besar namun kualiti bacaan berdasarkan hukum hakam bacaanyang ditetapkan masih tidak dapat dibanggakan. Kajian ini turut menyatakan hasil kajian menunjukkan bahawa masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam aspek bacaan Al-Quran masih berterusan. Jumlah yang besar di kalangan pelajar yang tidak berkemampuan membaca Al-Quran ini seolah-olah menunjukkan tidak ada perubahan selama ini pada tahap bacaan Al-Quran di kalangan pelajar walaupun pada hakikatnya pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tinjauan pengkaji di Kelas Pendidikan Khas, kaedah yang biasa diamalkan adalah Kaedah Iqra'. Namun para guru tidak dibekalkan dengan buku panduan khusus yang mengandungi cara mengajar Kaedah Iqra'. Para guru hanya dibekalkan sukatan pelajaran yang perlu dipatuhi dengan tetapan masa yang telah ditentukan. Kajian mengenai pengajaran Al-Quran yang dijalankan di Wilayah Persekutuan menunjukkan bahawa masalah yang paling utama yang dihadapi oleh guru-guru ialah ketiadaan buku panduan yang khusus berkaitan dengan cara mengajar kaedah Iqra'. (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral WP 2003). Kajian di Wilayah Persekutuan juga menunjukkan hanya 35% sahaja guru yang menerima latihan dan menghadiri kursus dalam melaksanakan cara pengajaran kaedah Iqra'. Ini menunjukkan bahawa 65% lagi guru tidak mendapat latihan dan kursus (Mohd Alwi et. al 2003). Oleh kerana kemahiran literasi Al-Quran dilihat agak sukar dikuasai oleh murid, maka satu kajian hendaklah dilakukan untuk melihat kesesuaian kaedah, pendekatan, buku panduan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Quran. Selain itu, buku tambahan dan bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran juga perlu dipastikan sesuai dengan tahap kemampuan murid.

Pada Februari 2011, Program Pendidikan Khas Integrasi SMK Raja Muda Musa, Teluk Intan telah menganjurkankan Hari Interaksi Bersama Ibu Bapa kelas pendidikan khas. Melalui interaksi pada hari tersebut, ibu bapa murid-murid pendidikan khas yang beragama islam menyatakan kebimbangan terhadap kegagalan anak mereka menguasai kemahiran asas membaca Al-Quran. Antara masalah murid pendidikan khas adalah kegagalan untuk mengenal huruf-huruf hijaiyah, membunyikan huruf berbaris dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca perkataan huruf bersambung. Kebimbangan ibu bapa, menjadi asas bahawa masalah ini perlu diatasi segera.

Berdasarkan permasalahan dan isu-isu yang sering diketengahkan, kajian berkaitan penggunaan kaedah pedagogi yang lebih berkesan akan dijalankan oleh pengkaji. Kaedah yang akan digunakan adalah Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK terhadap peningkatan literasi Al-Quran dan motivasi murid-murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas sekolah menengah. Kesan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK ini akan dilihat berdasarkan pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, analisis dokumen dan hasil temubual yang dijalankan dengan murid bermasalah pembelajaran yang terlibat. Soalan dibina sebagai panduan proses temubual berdasarkan kesesuaian tahap kefahaman murid. Di samping itu, beberapa rakaman video akan dibuat semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk melihat dengan lebih jelas motivasi yang dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah ini diteruskan tanpa mengambil kira kebolehan dan kemampuan murid kerana matlamat yang perlu dicapai adalah melengkapkan setiap langkah pengajaran di dalam buku panduan. Murid yang menghadapi masalah pembelajaran akan terus diajar menggunakan kaedah yang sama walaupun telah dikesan menghadapi kesukaran untuk mencapai sasaran yang diperlukan dalam literasi Al-Quran. Para guru Pendidikan Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Khas mengakui kaedah yang digunakan agak sukar untuk dicapai oleh murid-murid bermasalah pembelajaran. Kaedah tersebut mungkin sesuai untuk sekumpulan murid tetapi tidak sesuai untuk kumpulan murid yang lain. Oleh demikian, kaedah dan teknik yang berbeza perlu digunakan bergantung kepada kemampuan dan kebolehan murid. Penentuan sesuatu kaedah hanya boleh dilakukan setelah guru dapat mengenalpasti tahap kemahiran yang dimiliki murid supaya masalah kegagalan murid dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran dapat diatasi. Masalah yang dihadapi oleh guru juga adalah tidak ada alat pengukuran yang tepat untuk menentukan tahap kemahiran seseorang murid.

Apabila kita berbicara tentang masalah kegagalan murid dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran atau literasi Al-Quran, kita seharusnya mempunyai mekanisme atau alat pengukuran yang tepat untuk menentukan tahap kemahiran seseorang murid. Tanpa alat pengukuran yang tepat, kita pastinya akan mengalami kesukaran untuk meningkatkan kemahiran yang sedang dihadapi oleh seseorang murid. Dalam kajian ini, ujian diagnostik digunakan untuk menentukan tahap kemahiran murid. Ujian diagnostik ini mengandungi 12 aras kemahiran yang dibina berdasarkan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK. Kaedah pengajaran yang digunakan juga mesti mempunyai aras yang berperingkat mengikut tahap kemahiran seseorang murid. Setiap murid pastinya mempunyai tahap kemahiran dan kemampuan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isahak Haron (2005), menyatakan "Pengertian dan tanggapan tentang tahap kebolehan asas 2M ini berbeza di kalangan ahli pendidik dan guru. Kebolehan 2M perlu diukur supaya jelas dan spesifik. Alat ukuran ini perlulah sah dan reliabel untuk menguji dan mengesan tahap kebolehan murid 2M". Kegagalan untuk menentukan tahap kemahiran seseorang murid secara tepat secara tidak langsung akan mengakibatkan kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran dan kemampuan yang pelbagai pastinya akan mengundang rasa bosan, malas, kecewa, putus asa dan tidak berminat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai.

Murid bermasalah pembelajaran merupakan murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran khususnya dari sudut mengenal huruf dan pembacaan awal. Banyak kajian yang telah dijalankan untuk mengenalpasti kaedah sesuai yang dapat membantu murid bermasalah pembelajaran mengenal huruf rumi dan membaca. Namun hampir tiada usaha dibuat oleh mana-mana pihak untuk membantu murid bermasalah pembelajaran mengenal huruf hijaiyah dan membaca Al-Quran seterusnya memahami isi kandungannya melalui kaedah pengajaran yang sesuai. Tinjauan yang dibuat di beberapa buah kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran, tidak ada satu kaedah khusus yang digunakan dalam pengajaran Al-Quran. Bahan-bahan yang dibekalkan lebih menjurus kepada panduan guru mengajar tanpa ada modul khusus dalam sistem pengajaran Al-Quran.

Disamping itu, menurut guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas, buku-buku yang dibekalkan mengandungi aras pengajaran yang tinggi dan tidak sesuai digunakan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Keadaan ini membuktikan bahawa satu kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai dengan tahap murid-murid bermasalah pembelajaran sangat diperlukan untuk membantu meningkatkan Literasi Al-Quran murid-murid tersebut.

Justeru kajian ini dijalankan untuk melihat kesan kaedah penggunaan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK Kaedah KGBK terhadap peningkatan literasi dan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam pelajaran Al-Quran. Pendekatan dan teknik pengajaran yang menarik dan mudah pastinya dapat membantu meningkatkan literasi dan tahap motivasi murid dalam pelajaran Al-Quran. Pendekatan yang digunakan di dalam kaedah ini adalah dengan melakukan penyusunan semula huruf-huruf hijaiyah baris satu disamping menerapkan asas bacaan seperti bacaan mad, bacaan tanwin, bacaan sukun dan bacaan saddah. Penyusunan kemahiran mudah kepada kemahiran yang lebih sukar bukan sahaja mampu membantu murid menguasai kemahiran bacaan dengan lebih mudah dan cepat malah dapat meningkatkan tahap motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran Al-Quran.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan melihat kesan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK terhadap literasi Al-Quran murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Selain itu, kesan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK terhadap minat murid dalam pembelajaran Al-Quran akan turut diperhatikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyataan masalah yang diketengahkan ini diharapkan dapat diperincikan secara jelas untuk memperolehi penyelesaian yang terbaik melalui kajian dan analisis secara deskriptif ke atas kesan Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK. Sekiranya berjaya usaha ini pastinya sangat relevan untuk melahirkan generasi masa depan yang bukan sahaja celik Al-Quran malah dapat memahami isi kandungan secara tepat. Secara umumnya kaedah baru yang diketengahkan ini adalah sebagai kaedah alternatif dalam usaha meningkatkan tahap literasi Al-Quran murid khususnya murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas.

Isu kelemahan menguasai bacaan Al-Quran ini akan berterusan sekiranya tidak diatasi lebih awal, malah pembelajaran di sekolah menengah lebih mencabar kerana bertambahnya jumlah kandungan yang dipelajari di samping suasana yang kurang memberikan motivasi dan mendorong pembelajaran asas Al-Quran (Iqra') di sekolah menengah (Mohd Alwi et. al 2003). Oleh demikian, usaha yang berterusan sangat diperlukan bagi memastikan generasi akan datang tidak menjadi generasi buta Al-Quran. Suatu usaha yang bersepadu dan bersungguh secara berterusan juga perlu dilakukan bagi memastikan Bahasa Arab kekal sebagai medium kepada penyampaian ilmu di serata nusantara. Melihat kepada pengalaman sebagai seorang guru, perlu ada kajian yang mendalam berkaitan masalah yang dihadapi oleh murid sekolah khususnya murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas sehinggakan menghilangkan motivasi mereka untuk belajar Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Kerangka Teoritikal

Teori merupakan asas penting dalam membina pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengunakan tiga teori asas dalam pengajaran dan pembelajaran dan satu teori asas dalam membina pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Tiga teori asas adalah teori pengajaran Imam Al-Ghazali, teori pengajaran Ibnu Khaldun dan teori pengajaran Al-Qabisi. Kesemua teori ini dilihat sangat sesuai dan bertepatan dengan apa yang diperlukan dalam pengajaran Al-Quran.

Menurut al-Ghazali (2004) terdapat tiga jenis media yang menjadi sumber ilmu pengetahuan iaitu; pertama ialah pancaindera, yang merupakan sumber yang boleh ditentukan (al-Mahsusat), kedua ialah akal yang rasioanal (Al-Aqliyat) atau ‘pandangan’ oleh pemikiran yang merupakan sumber yang rasional, dan ketiga ialah tingkahlaku atau tabi’at (Ittirad Al-‘Adat) kebiasaan bagi yang membolehkan seseorang untuk mengetahui makna bagi mesej-mesej.

Menurut Abu al-Nuaimy (2004), menyatakan bahawa bagi Imam al-Ghazali untuk menghuraikan mukjizat memerlukan dua media; akal (kognitif) dan tabi’at (tingkahlaku). Al-Ghazali menggunakan idea-idea ini untuk membuktikan bahawa mukjizat-mukjizat adalah menyokong konsep kenabian.Beliau menyatakan bahawa melalui akal seseorang boleh menemui dan mengetahui bahawa mukjizat merupakan satu aktiviti oleh seseorang pencipta dan pembuat yang berada dalam kawalan. Beliau menambah lagi bahawa melalui adat dan tabiat mukjizat, menunjukkan kebenaran Nabi Muhammad SAW. Al-Ghazali tetap dengan pendiriannya dengan menegaskan bahawa kefahaman rasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah merupakan sumber ilmu dan beliau menggunakan istilah kefahaman rasional untuk membezakan kefahaman manusia dengan kemampuan binatang untuk memahami mengikut naluri mereka. Antara ciri guru yang efektif menurut Al-Ghazali adalah guru yang dapat menghadkan pembelajaran bersesuaian dengan tahap pemahaman murid dan tidak sekali-kali memaksa mereka mencapai sesuatu di luar kemampuan. Seorang guru yang efektif juga akan menyediakan bahan pembelajaran yang mudah difahami, jelas dan bersesuai dengan tahap perkembangan akal murid khususnya murid yang kurang pintar.

Teori yang diilhamkan oleh Ibnu Khaldun (1983) pula menyatakan bahawa setiap isi pengajaran dan persoalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah ke topik yang lain. Murid-murid akan menjadi kebingungan jika persoalan pertama belum diselesaikan, guru telah beralih dan menukar kepada masalah dan tajuk yang lain. Model pengajaran ini berdasarkan pendekatan Rasullah saw dalam pengajaran Al-Quran. Abdullah bin Masud r.a berkata ; " Kebiasaan di antara kami (sahabat) jika belajar Al-Quran tidak melebihi sepuluh ayat, sehingga mereka benar-benar menguasai bacaanya secara talaqi dengan Rasullah saw memahami maknanya dan tahu cara melaksanakannya dan seterusnya mengamalkannya" (Ibnu Kathir 1984). Misnan Jemali (2006) melihat bahawa pendekatan pengajaran Ibnu Khaldun tentang menyelesaikan sesuatu topik kemudian berpindah ke topik yang baru adalah sangat sesuai dengan pengajaran al-Quran di bilik darjah contohnya seperti mengajar membaca surah al-Fatihah setelah tercapai objektifnya, maka bolehlah berpindah kepada surah An-Nas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ibnu Khaldun di dalam kitabnya Muqaddimah, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, setiap tajuk atau persoalan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah ke topic yang lain, ini untuk memudahkan pemahaman seseorang murid. Murid akan menjadi keliru sekiranya guru telah berpindah ke tajuk lain sebelum dapat menyelesaikan tajuk sebelumnya. Ilmu pengetahuan atau pemelajaran perlu dibuat secara beransur-ansur atau tahap ke tahap, sistem pengajaran yang dibuat secara terus menerus akan menjemukan pelajar dan boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam menangani masalah di atas, Ibnu Khaldun terus menambah bahawa proses pengajaran guru perlu dibuat secara bertahap atau disusun mengikut langkah demi langkah, dimulai dengan mengajar persoalan pokok dan diikuti dengan isi-isi kecil. Keterangan-keterangan harus diberi secara umum dahulu kemudian diikuti dengan perincian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ibnu Khaldun juga mencadangkan agar proses pengajaran kepada murid dibuat mengikut lingkaran (spiral) seperti berikut : Pengulangan atau lingkaran itu hendaklah dilakukan sehingga murid faham dan dapat menguasai sesuatu tajuk kemudiannya boleh beralih kepada tajuk yang lain. Lingkaran ini mengikut kecerdasan seseorang atau kumpulan murid tersebut. Murid yang cerdas mungkin hanya memerlukan dua atau tiga lingkaran sahaja berbanding dengan murid yang lemah. Dari segi asas ilmu, Ibnu Khaldun mencadangkan bahawa kanak-kanak hendaklah didedahkan terlebih dahulu dengan ilmu Al-Quran. Memepelajari Al-Quran dari segi mengeja dan membaca hendaklah dijadikan asas ajaran sebelum melangkah ke pelajaran yang lain. Katanya lagi untuk menguasai sesuatu ilmu, asas bahasa seseorang itu mestilah kuat dan mantap maka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan itu mempelajari dan menguasai Al-Quran adalah bertujuan untuk menguasai bahasa.

Pendapat Ibnu Khaldun dalam Pendidikan : Mempelajari satu ilmu melalui tiga tahap seperti berikut :

Tahap Pertama : Tahap ini dinamakan tahap permulaan. Pada tahap ini ilmu diberikan secara sederhana, belum terperinci. Kepada pelajar diajarkan masalah-masalah yang dianggap utama bagi tiap-tiap bab. Demikian sehingga ke akhir ilmu tersebut.

Tahap Kedua : Guru-guru pada tahap ini mengulang kembali pelajaran dari awal bab. Pelajaran lebih ditingkatkan daripada tahap pertama. Huraian diperluas dan diperinci sedang perbezaan pendapat mulai disentuh.

Tahap Ketiga : Tahap ini ialah tahap akhir bagi pelajar untuk mempelajari ilmu tersebut. Mereka sudah lebih cerdas dan sudah lebih memahami ilmu tersebut, maka guru mengulang kembali pelajaran dari awal hingga akhir.

Menurut Ibnu Khaldun, sistem tiga tahap dalam mempelajari sesuatu ilmu itulah sistem yang baik dalam menyelesai dan mengajar ilmu.

Ibnu Khaldun berkata : “Kanak-kanak yang mempunyai daya ingatan yang lemah hendaklah dibantu dengan bahan maujud yang nyata dan boleh dirasa”.

Untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran membaca Al-Quran dan penghayatannya ia memerlukan latih tubi bermusyafahah secara individu dan kumpulan. Aspek membaca, menghafaz, memahami dan menghayatinya memerlukan aktiviti-aktiviti melihat, mendengar, menyebut, memahami, mengamalkan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghayati. Aspek pembacaan dapat dicapai melalui menyebut atau membaca sesudah melihat/kenal dan menyebut. Manakala aspek hafazan pula dapat dicapai melalui menghafaz sesudah mendengar, menghafaz sesudah melihat dan menghafaz sesudah membaca.

Peringkat perkembangan dan kebolehan yang berbeza-beza merupakan aspek terpenting yang perlu diambil kira dalam menentukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bidang ini. Satu aspek yang tidak boleh dilupakan dalam proses pemindahan ilmu ialah minat murid-murid. Minat itu akan dapat ditimbulkan atau dirangsangkan oleh guru yang menguasai kemahiran-kemahiran pendekatan, kaedah, teknik dan persediaan yang lengkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konsep pendidikan al-Qabisi, ada beberapa pemikiran atau pandangan iaitu tentang pendidikan anak, tujuan pendidikan, kurikulum, metode dan teknik belajar, pencampuran belajar antara murid lelaki dan murid perempuan. Al-Qabisi menyatakan bahawa anak mempunyai hak sepenuhnya untuk belajar. Anak-anak tidak boleh disibukkan dengan pekerjaan sehingga mereka tidak sempat belajar Al-Quran dan menuntut ilmu pengetahuan.

Antara teknik pengajaran al-Qabisi adalah dengan mengerjakan tugas berulang kali demikian disertai dengan hafalan, tolong menolong antara satu dengan yang lain untuk memantapkan hafalan, antara lain dengan menggerakkan tangan untuk menulis apa yang dihafal, memfungsikan mata untuk mengamati dan membaca, serta penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daya menghafal dan mengingat, kemudian murid akan diminta menunjukkan hasil kerja murid kepada guru untuk dinilai.

Al-Qabisi menyatakan kurikulum terbahagi kepada dua iaitu kurikulum ijbari (wajib dan kurikulum ikhtiari (pilihan). Al-Qabisi turut menggariskan tiga prinsip penting dalam kurikulum iaitu ; pertama Menumpahkan perhatian kepada pengajaran al-quran, kerana ia adalah jalan yang ditempuh untuk menambah makrifat kepada Allah serta mendekatkan kepadaNya. Kedua, kepentingan ilmu tatabahasa supaya dapat memahami al-Quran secara benar dan ketiga, Mengajar Bahasa Arab sebagai medium memahami al-Quran serta huruf-huruf hijaiyah agar murid dapat menulis ayat-ayatnya dan mengucapkannya dengan benar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pendapat al-Qabisi, pemilihan bahan-bahan kurikulum pendidikan mestilah dilakukan dengan teliti supaya benar-benar sesuai dengan kemampuan dan kebolehan murid. Al-Qabisi turut menggariskan tiga elemen penting dalam teknik belajar iaitu pertama, menghafal al-Quran dan belajar menulis adalah berdasarkan waktu-waktu yang terbaik iaitu pada waktu pagi dan secara berterusan setiap hari. Kedua, mengemukakan cara belajar yang efektif iaitu menghafal, membuat latihan dan demonstrasi. Ketiga, menurut al-Qabisi, pemahaman (al-fahmu) adalah tartil (mengerti bacaan) dalam membaca dan pemahamannya secara serius. Melalui cara tartil (mengerti bacaan) dapat membantu kemampuan untuk memahami isi kandungan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain tiga teori asas di atas yang digunakan dalam kajian ini, pendekatan Kaedah Gabungan Bunyi Kata juga turut digunakan sebagai teori asas dalam membina pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah Gabungan Bunyi Kata adalah pendekatan yang mengabungkan dua perspektif utama dalam pengajaran membaca iaitu kaedah fonik dan kaedah 'seluruh kata'. Pendekatan ini dipelopori sejak 1979 oleh Isahak Haron untuk mengajar 2M Bahasa Melayu kepada kanak-kanak. Kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) bagi pengajaran awal bahasa Melayu berbeza dengan pendekatan fonik-abjad atau seluruh perkataan.

Menurut Isahak Haron (2005) KGBK menyatakan bahawa kekuatan yang terdapat dalam pendekatan abjad-fonik iaitu sebut dan bunyi huruf dan kekuatan yang terdapat dalam pendekatan seluruh perkataan iaitu menggunakan 'perkataan' yang bermakna kepada murid, boleh digabungkan secara sistematik untuk mengajar awal 2M bahasa Melayu. Asas ini akan digunakan dalam kaedah mengajar Al-Quran atau Bahasa Arab (Quranic Words) iaitu Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK. Berdasarkan kaedah ini, murid tidak perlu mengenal kesemua huruf hijaiyah أ - ي untuk mula membaca perkataan. Murid akan diperkenalkan beberapa huruf hijaiyah mudah berbaris satu atas, bawah dan depan di unit awal seperti أَ إِ أُ , بَ بِ بُ , تَ تِ تُ . Kemudian di unit seterusnya murid akan diperkenalkan beberapa lagi huruf hijaiyah mudah yang mempunyai sebutan bunyi huruf mirip Bahasa Melayu seperti دَ دِ دُ , رَ رِ رُ , مَ مِ مُ . Selepas menguasai unit ini, murid akan diajar membaca beberapa perkataan mudah yang dibina berasaskan huruf-huruf mudah yang telah dipelajari sebelumnya. Keistimewaan kaedah ini adalah unit-unit pelajaran disusun secara 'sequential' iaitu ansur maju atau 'bertambah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang'. Kejayaan menguasai pelajaran di unit-unit awal akan meningkatkan tahap keyakinan murid untuk terus mengembangkan bacaan seterusnya meningkatkan minat murid untuk terus belajar. Penyusunan huruf-huruf hijaiyyah yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu di bahagian satu, 15 huruf hijaiyyah mudah dan 13 huruf hijaiyah sukar di bahagian dua. Pembahagian huruf dibuat berasaskan huruf yang mudah disebut dan huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Pendekatan ini membantu murid belajar dengan lebih mudah dan cepat. Teori dan pendekatan ini dapat dilihat seperti gambarajah berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Linguistik	Psikologi Kognitif	KGBK
huruf/bunyi	huruf/bunyi	bunyi + perkataan
↓	↑	↓
perkataan	perkataan	bunyi + perkataan

Rajah 1.1 Isahak Haron (2005) Kaedah Mengajar Literasi (Awal Membaca dan Menulis)

Pendekatan atau ciri-ciri istimewa yang digunakan dalam Kaedah Mudah Belajar Membaca Awal Al-Quran KGBK dapat dilihat dengan lebih jelas dan tepat berdasarkan gambarajah di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.2 Dibina berdasarkan Isahak Haron (2005) KGBK Mudah Belajar Jawi

Pendekatan kajian ini juga disokong teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Bloom (1976) yang menggabungkan tiga pembolehubah utama iaitu ciri murid, pengajaran guru dan hasil pembelajaran. Bloom berpendapat sekiranya kita boleh menjangkakan kadar pembelajaran seseorang murid, kita boleh menentukan tahap penguasaan murid tersebut berdasarkan empat andaian berikut iaitu seorang murid normal boleh menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran dengan baik dan penuh yakin sekiranya keadaan yang sesuai serta masa yang mencukupi disediakan untuk murid itu menguasai pembelajarannya. Kedua, suatu P&P mestilah bersesuaian dengan tahap kebolehan murid supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran itu lebih bermakna, berkesan dan menarik bagi memudahkan pencapaian hasil pembelajaran yang dihasratkan. Ketiga perbezaan pencapaian murid adalah kerana kegagalan pengajaran guru. Keempat, pengajaran yang berkesan mestilah dapat membantu mengenal pasti kelemahan murid dan seterusnya membaiki penguasaan murid dalam sesuatu pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pembelajaran berdasarkan Bloom (1976)



Rajah 1.3 Diubahsuai berdasarkan Bloom, S. B. (1976). Human characteristic and school learning

Berdasarkan model di atas, terdapat 2 faktor penting yang akan mempengaruhi hasil pembelajaran iaitu ciri murid dan kaedah pengajaran. Ciri murid yang dimaksudkan ádalah murid bermasalah pembelajaran manakala kaedah pengajaran ádalah penggunaan Kaedah KGBK Gabungan Bunyi Kata dan Kaedah Iqra'. Untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang baik, guru perlu terlebih dahulu mengenalpasti ciri-ciri murid sebelum merancang kaedah pengajaran yang sesuai. Setelah kedua-kedua kaedah pengajaran dijalankan, tahap literasi Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diuji melalui ujian diagnostik, rekod kemajuan murid, catatan lapangan, temubual dan rakaman video.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini terdiri dari beberapa konsep dan teori yang mempunyai hubungan di antara satu sama lain. Kerangka konseoptual ini akan memberikan gambaran tentang kesan Kaedah Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran yang digunakan untuk meningkatkan tahap literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran. Berdasarkan kerangka konseptual, dapat dilihat secara jelas hubungan di antara konsep dan teori yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual yang diubahsuai dari kajian Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah oleh Misnan Jemali (2008) dipilih kerana kerangka konseptual ini dapat menjelaskan konsep kajian secara tepet iaitu melihat perbandingan kesan dua kaedah pengajaran Al-Quran ke atas murid-murid pendidikan khas berasaskam tahap pembelajaran yang telah ditetapkan.

Kajian ini bermula dengan kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran untuk murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kajian ini hanya melibatkan murid-murid bermasalah pembelajaran yang dibahagikan mengikut tahap kemampuan masing-masing dan kaedah pengajaran yang akan dijalankan. Murid akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan kawalan yang akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Iqra' dan kumpulan eksperimen yang akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK.

Hasil kajian akan dilihat secara beberapa metodologi seperti mengadakan temubual dengan guru yang terlibat, menjalankan ujian pencapaian ke atas murid untuk mengetahui tahap kemampuan murid, pencerapan proses pengajaran dan pembelajaran, membuat rakaman video dan catatan harian. Kajian ini akan menggunakan ujian diagnostik, kaedah senarai semak pencerapan pengajaran guru di bilik darjah, temubual semi-struktur dengan guru dan murid, rakaman video untuk melihat kesan motivasi murid dalam proses pembelajaran dan catatan harian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.4 Kerangka Konsep : Diubahsuai daripada Misnan Jemali (2008) : Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Tujuan Kajian

1.7.1 Tujuan Umum

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan Kaedah Iqra' terhadap pembolehubah kajian iaitu literasi Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran terhadap pembelajaran Al-Quran.

1.7.2 Tujuan Khusus

Berdasarkan tujuan umum di atas, maka tujuan khusus kajian ini adalah untuk melihat :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2.1 Kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK terhadap literasi Al-Quran murid bermasalah pembelajaran.

1.7.2.2 Kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK terhadap motivasi murid bermasalah pembelajaran.

1.7.2.3 Mengukur perbezaan kesan pengajaran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dengan pengajaran menggunakan Kaedah Iqra'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk mengukur :

1.8.1 Mengenalpasti perbezaan sama ada skor ujian pra subjek kumpulan eksperimen lebih baik berbanding subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi Al-Quran.

1.8.2 Mengenalpasti perbezaan sama skor ujian pos subjek kumpulan eksperimen lebih baik berbanding subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi Al-Quran.

1.8.3 Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan secara keseluruhan dari aspek motivasi pembelajaran Al-Quran.

1.9 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut :

1.9.1 Adakah terdapat perbezaan skor ujian pra kumpulan subjek eksperimen dengan subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi Al-Quran?

1.9.2 Adakah terdapat perbezaan skor ujian pos subjek kumpulan eksperimen dengan subjek kumpulan kawalan dari aspek literasi Al-Quran?

1.9.3 Adakah terdapat perbezaan kesan di antara kumpulan yang menggunakan pengajaran Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dengan pengajaran menggunakan Kaedah Iqra’ dari aspek literasi Al-Quran?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Adakah terdapat perbezaan kesan di antara kumpulan yang menggunakan pengajaran Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dengan pengajaran menggunakan Kaedah Iqra' dari aspek motivasi murid bermasalah pembelajaran?

1.10 Kepentingan Kajian

Menurut Othman Lebar, (2007) signifikan kajian sebenarnya berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian. Kepentingan kajian ini adalah menyediakan satu kaedah alternatif pengajaran Al-Quran untuk mengatasi masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran Al-Quran. Kajian ini juga penting untuk melihat kaedah yang sesuai dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran khusus untuk murid bermasalah pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK terhadap pencapaian akademik dan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam literasi Al-Quran. Diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Al-Quran untuk murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas khususnya dan murid-murid lain secara amnya.

Kajian ini secara tidak langsung merupakan suatu bentuk eksperimen untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang berkesan untuk murid bermasalah pembelajaran dalam pelajaran Al-Quran di kelas pendidikan khas. Dapatan kajian akan dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khususnya Sektor Pendidikan Khas untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik dan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam pelajaran Al-Quran. Dapatan ini membantu pihak yang berkenaan untuk menilai, merancang, memperbaiki seterusnya melaksanakan tindakan yang perlu untuk memperkasakan pelajaran Al-Quran di kelas pendidikan khas. Kajian yang dijalankan akan membantu murid-murid bermasalah pembelajaran melalui kaedah alternatif yang digunakan untuk meningkatkan tahap literasi Al-Quran.

Kajian yang dijalankan pastinya dapat menyediakan kaedah alternatif yang lebih sesuai dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di kelas Pendidikan Khas kepada guru yang terlibat. Kajian ini juga dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk memahami tahap pencapaian murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas dan langkah-langkah yang perlu dibuat untuk mengatasi permasalahan yang timbul. Hasil dan dapatan kajian pastinya dapat memberikan informasi dan maklumat yang boleh dimanfaat oleh pihak penggubal kurikulum khususnya kurikulum Pendidikan Al-Quran dalam Pendidikan Khas. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini, pastinya juga dapat dimanfaatkan oleh masyarakat secara umumnya dan para murid lain khususnya untuk meningkatkan tahap literasi Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan analisis dan penilaian terhadap tahap literasi dan motivasi belajar Al-Quran murid bermasalah pembelajaran yang sedang belajar di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang terletak di Daerah Hilir Perak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa (sekolah A) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang (sekolah B). Kajian ini hanya berfokus kepada literasi Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran terhadap pembelajaran Al-Quran sahaja tanpa melibatkan murid-murid berkeperluan khas yang lain. Walaupun hanya melibatkan saiz sampel yang kecil namun mampu menggambarkan situasi sebenar pengajaran di kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Batasan kajian ini boleh disimpulkan berdasarkan butiran berikut ; sampel yang dipilih adalah di kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas sahaja kerana murid-murid tersebut telah disahkan secara formal melalui Ujian Diagnostik dan Laporan Perubatan, sampel yang dipilih adalah seramai 6 orang sahaja dari dua buah sekolah yang berbeza disebabkan bilangan sampel yang terhad. Namun bilangan tersebut sudah memadai dan memenuhi kehendak kajian yang dijalankan. Kajian ini hanya menfokuskan kepada literasi dan motivasi membaca Al-Quran sahaja. Literasi membaca diberi penekanan kerana kemahiran membaca merupakan asas permulaan kepada pembentukan kemahiran lain. Manakala aspek motivasi perlu ditingkatkan bagi memastikan murid mempunyai kemahuan yang tinggi untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lokasi kajian yang dipilih adalah Program Pendidikan Khas Integrasi di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Hilir Perak.

1.12 Definisi Konsep dan Operasional

Dalam konteks kajian ini, maksud istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut :

1.12.1 Kesan

Kesan dalam kajian ini adalah impak atau hasil penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK terhadap peningkatan tahap literasi dan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam literasi Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12.2 Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK adalah berasaskan kaedah KGBK. Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) bermaksud gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan ’seluruh perkataan’ (whole word). Pendekatan yang digunakan masih berasaskan ciri-ciri istimewa Bahasa Melayu. Mengapakah kaedah mengajar Bahasa Melayu sesuai untuk diadaptasikan dalam kaedah pengajaran Al-Quran? Apa yang diadaptasikan dalam kaedah pengajaran Al-Quran adalah konsep asas yang terdapat dalam Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK). Konsep pertama adalah asas pemilihan huruf-huruf awal yang akan diperkenalkan dalam pengajaran. Kedua, murid sudah diajar membina dan membaca perkataan bermakna berdasarkan 6 huruf yang telah diperkenalkan pada peringkat aal pengajaran. Dengan asas kemahiran untuk mengesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu perkataan, murid sudah dapat membaca beberapa perkataan mudah pada unit 2 pengajaran tanpa perlu mengenal semua huruf. Ketiga, pemeringkatan isi pelajaran Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran disusun secara 'sequential' atau secara ansur maju atau bertambah berkembang. Kaedah (KGBK) ini bertujuan memudahkan murid diajar dan belajar membaca Al-Quran dengan mudah dan cepat. Apabila murid boleh membaca beberapa perkataan Bahasa Arab dalam tempoh yang singkat iaitu 2 waktu selama satu jam, keinginan dan tahap motivasi diri mereka untuk belajar Al-Quran akan meningkat. Ini kerana mereka akan berasa mudah membaca dan belajar Al-Quran.

Berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK), pada permulaan pengajaran, murid akan diajar dengan huruf-huruf hijaiyah yang mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Sebanyak 15 huruf hijaiyah yang mudah telah dipilih berdasarkan pemilihan huruf dalam Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK. Huruf-huruf hijaiyah yang mudah dipilih berdasarkan kekerapan sebutan mudah yang sama digunakan dalam Bahasa Melayu dan perbezaan bentuk huruf untuk menggelakkan murid keliru. Manakala 13 huruf hijaiyah yang selebihnya akan diajar kemudian disebabkan sebutan hurufnya lebih sukar.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK menyatakan murid akan diajar dengan 3 huruf hijaiyah yang popular dan mudah disebut murid iaitu أَ بَ تَ. Di unit 1, murid akan diajar membaca أَ اِ اُ , بَ بِ بُ , تَ تِ تُ . Murid akan diajar dengan kemahiran membaca huruf baris atas, baris bawah dan baris depan. Kemudian di unit 2, murid akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diajar dengan membaca 3 lagi huruf iaitu دُ مُ مِ مَ , رُ رِ رَ , دِ دَ . Di unit 2, murid sudah diajar membina dan membaca perkataan bermakna berdasarkan 6 huruf hijaiyah yang telah boleh dibaca. Contohnya perkataan بَدَرَ , رَتِبَ , أَمَرَ . Murid bukan sahaja diajar membina dan membaca perkataan malah turut dijelaskan dengan makna perkataan yang dibaca. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Pengajaran di peringkat unit 2 boleh dijalankan dalam 2 waktu pengajaran yang hanya mengambil masa selama satu jam sahaja. Dalam 2 waktu pengajaran selama satu jam, murid sudah boleh membina dan membaca perkataan Bahasa Arab atau Quranic Words. Murid tidak perlu diajar mengenal kesemua huruf hijaiyyah ‘alif, ba, ta, tsa, jim, ha, kho (أَ , بَ , تَ , ثَ , جَ , حَ , خَ) … hingga ke .. ‘ya’ (يَ) mengikut turutan dalam huruf hijaiyah, sebelum mereka diajar membaca perkataan. Kaedah (KGBK) ini bertujuan memudahkan murid diajar dan belajar membaca Al-Quran dengan mudah dan cepat. Apabila murid boleh membaca beberapa perkataan Bahasa Arab dalam tempoh yang singkat iaitu 2 waktu selama satu jam, keinginan dan tahap motivasi diri mereka untuk belajar Al-Quran akan meningkat. Ini kerana mereka akan berasa mudah membaca dan belajar Al-Quran. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan murid belajar malah akan memudahkan guru mengajar. Inilah prinsip asas dalam pedagogi pengajaran Al-Quran ini.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK). Kaedah ini dibina selaras dengan keperluan dan tuntutan masa kini dengan merealisasikan pembinaan masyarakat celik Al-Quran dan dapat memahami isi kandungannya.Berdasarkan langkah-langkah yang dinyatakan, dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilihat bahawa pemeringkatan isi pelajaran Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran disusun secara 'sequential' atau secara ansur maju atau bertambah berkembang. Selain itu, dapat dilihat penyusunan huruf berdasarkan huruf yang paling kerap dan biasa digunakan dalam bahasa Melayu. Selain itu, gabungan pendekatan fonik dan seluruh perkataan membolehkan murid belajar membaca perkataan lebih cepat iaitu sebelum mengenal kesemua huruf terlebih dahulu. Pendekatan ini dapat menjadikan pembelajaran lebih mudah dan cepat. Pendekatan ini juga dapat membantu meningkatan tahap keyakinan dan minat murid untuk terus belajar.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK adalah berasaskan kaedah KGBK. Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) bermaksud gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan 'seluruh perkataan' (whole word). Pendekatan yang digunakan masih berasaskan ciri-ciri istimewa Bahasa Melayu. Pada permulaan pengajaran, murid akan diajar dengan huruf-huruf hijaiyah yang mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Sebanyak 15 huruf hijaiyah yang mudah telah dipilih berdasarkan pemilihan huruf dalam Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK. Huruf-huruf hijaiyah yang mudah dipilih berdasarkan kekerapan sebutan mudah yang sama digunakan dalam Bahasa Melayu dan perbezaan bentuk huruf untuk menggelakkan murid keliru. Manakala 13 huruf hijaiyah yang selebihnya akan diajar kemudian disebabkan sebutan hurufnya lebih sukar.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK menyatakan murid akan diajar dengan 3 huruf hijaiyah yang popular dan mudah disebut murid iaitu أَ بَ تَ. Di unit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1, murid akan diajar membaca أَ اِ أُ , بَ بِ بُ , تَ تِ تُ . Murid akan diajar dengan kemahiran membaca huruf baris atas, baris bawah dan baris depan. Kemudian di unit 2, murid akan diajar dengan membaca 3 lagi huruf iaituدَ دِ دُ , رَ رِ رُ , مَ مِ مُ . Di unit 2, murid sudah diajar membina dan membaca perkataan bermakna berdasarkan 6 huruf hijaiyah yang telah boleh dibaca. Contohnya perkataan بَدَرَ , رَتِبَ , أَمَرَ . Murid bukan sahaja diajar membina dan membaca perkataan malah turut dijelaskan dengan makna perkataan yang dibaca. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Pengajaran di peringkat unit 2 boleh dijalankan dalam 2 waktu pengajaran yang hanya mengambil masa selama satu jam sahaja. Dalam 2 waktu pengajaran selama satu jam, murid sudah boleh membina dan membaca perkataan Bahasa Arab atau Quranic Words. Murid tidak perlu diajar mengenal kesemua huruf hijaiyyah ‘alif, ba, ta, tsa, jim, ha, kho (أَ , بَ , تَ , ثَ , جَ , حَ , خَ) … hingga ke .. ‘ya’ (يَ) mengikut turutan dalam huruf hijaiyah, sebelum mereka diajar membaca perkataan. Kaedah (KGBK) ini bertujuan memudahkan murid diajar dan belajar membaca Al-Quran dengan mudah dan cepat. Apabila murid boleh membaca beberapa perkataan Bahasa Arab dalam tempoh yang singkat iaitu 2 waktu selama satu jam, keinginan dan tahap motivasi diri mereka untuk belajar Al-Quran akan meningkat. Ini kerana mereka akan berasa mudah membaca dan belajar Al-Quran. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan murid belajar malah akan memudahkan guru mengajar. Inilah prinsip asas dalam pedagogi pengajaran Al-Quran ini.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK). Kaedah ini dibina selaras dengan keperluan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tuntutan masa kini dengan merealisasikan pembinaan masyarakat celik Al-Quran dan dapat memahami isi kandungannya. Menurut Bloom (1976), suatu P&P mestilah bersesuaian dengan tahap kebolehan murid supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran itu lebih bermakna, berkesan dan menarik bagi memudahkan pencapaian hasil pembelajaran yang dihasratkan. Beliau juga menyatakan bahawa perbezaan pencapaian murid adalah kerana kegagalan pengajaran guru dan bukan disebabkan oleh faktor perbezaan kecerdasan individu. Bloom (1876), juga berpendapat pengajaran yang berkesan mestilah dapat membantu mengenal pasti kelemahan murid dan seterusnya membaiki penguasaan murid dalam sesuatu pembelajaran. Berteraskan pendekatan Bloom iaitu pembelajaran masteri, kaedah ini dibina untuk meningkatkan usaha dan kreativiti guru dalam pengajaran melalui prinsip memindahkan tangggungjawab menyalahkan kegagalan murid disebabkan oleh kelemahan 'kecerdasan' murid kepada faktor kelemahan perancangan unit-unit bahan P&P untuk murid dan kualiti pengajaran guru. Kaedah ini membantu murid belajar Al-Quran dengan pendekatan yang mudah, cepat dan menyeronokkan.

Kaedah ini dibinakan dan dibukukan dalam 3 buah buku mengikut peringkat-peringkat tertentu. Kaedah ini menggunakan pendekatan gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan seluruh perkataan (whole word). Keistimewaan kaedah ini adalah huruf-huruf hijaiyah disusun mengikut susunan mudah sebutan huruf dalam Bahasa Melayu. Susunan huruf dirombak semula untuk memudahkan penguasaan murid dalam pembelajaran. Kaedah ini mendahulukan huruf-huruf yang mempunyai sebutan bunyi yang hampir sama dengan Bahasa Melayu kerana huruf-huruf ini mudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling kerap dan mudah disebut dalam sistem Bahasa Melayu. Tujuan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK ini ialah memudahkan murid diajar dan belajar membaca Al-Quran dengan sistematik dan cepat. Apabila murid dapat membaca beberapa perkataan Bahasa Arab atau Al-Quran dalam dua atau tiga unit pembelajaran, mereka akan merasa 'berjaya' dan terbina sikap ingin belajar Al-Quran kerana mereka mudah membacanya. Tahap motivasi dan keyakinan diri murid akan meningkat. Secara tidak langsung keinginan mereka untuk lebih maju dan berjaya akan turut meningkat. Inilah prinsip asas dalam pedagogi pengajaran Al-Quran ini.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan buku (1) iaitu peringkat paling asas dalam kaedah ini. Di dalam buku (1) terdapat beberapa unit yang disusun berdasarkan kaedah pedagogi pengajaran. Buku (1) mengandungi lima komponen utama iaitu huruf hijaiyah asas, huruf mad, tanwin, sukun, dan shaddah.

1.11.3 Literasi Al-Quran

Pencapaian literasi dalam kajian ini bermaksud tahap skor yang diperolehi oleh murid bermasalah pembelajaran melalui Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran yang dijalankan dalam pra ujian dan pos ujian. Skor pencapaian diukur menggunakan skor peratusan. Skor pencapaian yang diperolehi akan menentukan aras penguasaan murid bermasalah pembelajaran dalam literasi Al-Quran. Menurut Atkinson (1980,1983), keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencapaian diaplikasi terhadap dorongan untuk menyerlah dalam pembelajaran. Pelajar yang sentiasa mencuba yang terbaik di sekolah dan berjaya dengan gred yang baik mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi.

1.11.4 Motivasi

Motivasi merupakan tindakan yang menimbulkan motif supaya belajar. Slavin menyatakan motivasi diantara seorang individu dengan seorang individu yang lain berbeza dari segi arah dan keketalannya. Aras motivasi akan meningkat selari dengan kadar keinginan. Semakin kuat keinginan untuk mencapai sesuatu matlamat, semakin tinggi motivasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motivasi ialah suatu kuasa yang menjana dan mengarahkan sesuatu tingkah laku. Menurut Santrock (2004), motivasi ialah proses menjana, mengarahkan dan mengekalkan tingkah laku. Motivasi dianggap suatu reka bentuk yang memenuhi aspek sosial, seksual, artistik dan keselamatan (Tan et al. 2003).

Motivasi memberi peluang kepada pelajar yang kurang menaruh minat bilik darjah memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri dengan aktif dalam situasi pengalaman pembelajaran. Dalam kajian ini, penilaian tahap motivasi murid dipilih sebagai suatu unsur penting yang dapat membantu pelajar dalam pencapaian akademik khususnya. Kesemua ilmu membantu memotivasikan murid untuk menyiapkan tugasan dengan baik. Di dalam kajian ini, tahap motivasi murid akan diukur melalui rakaman video yang dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Rakaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

video yang dibuat akan dapat menunjukkan tahap motivasi murid melalui tindak balas, penglibatan, dan riak wajah yang ditunjukkan. Selain itu, tahap motivasi juga dinilai melalui temu bual ringkas dengan murid-murid yang terlibat. Tujuan temu bual dijalankan untuk mendapat maklum balas secara terus daripada murid-murid terlibat.

1.11.5 Murid Bermasalah Pembelajaran

Murid-murid bermasalah pembelajaran merupakan murid-murid yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar professional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang boleh mengganggu pembelajaran. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsian murid-murid dalam kebolehan-kebolehan berikut; kebolehan kognitif, tingkah laku atau perkembangan sosial, penguasaan bahasa (lisan dan pertuturan), keupayaan membaca, kemahiran perkembangan (development skills), kemahiran Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat kelewatan dalam perkembangan kematangan dan fungsi-fungsi intelek yang tertentu yang diperlukan dalam pembelajaran di sekolah. Sebagai contoh, mereka mempunyai daya ingatan yang rendah, kebolehan terhad dalam bidang generalisasi, penguasaan bahasa yang terhad. Kesulitan dalam pengamatan dan memahami konsep serta daya kreatif rendah.

Kesediaan belajar dan keupayaan menerima pelajaran bagi murid-murid bermasalah pembelajaran tidak sama dengan murid biasa. Mereka hanya dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempelajari apa yang dipelajari oleh murid-murid biasa berumur enam tahun pada peringkat umur lapan tahun atau lebih. Murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran berupaya untuk menerima pendidikan yang sesuai dengan kemampuan dan perkembangan mereka. Oleh itu, satu program khas perlu disediakan untuk memenuhi keperluan murid-murid ini dengan mengambil kira aspek-aspek seperti masa, bahan, budaya, kelas, teknik mengajar, bantuan kepakaran dan penglibatan masyarakat.

Kirk et al (1993) menjelaskan definisi kanak-kanak berkeperluan khas sebagai kanakkanak yang berbeza dari kanak-kanak sederhana atau biasa dalam ciri- ciri mental keupayaan-keupayaan deria dalam ciri-ciri saraf dan otot atau dalam pelbagai kekurangan sehinggakan ia memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai atau perkhidmatan pendidikan khas, supaya ia boleh berkembang sehingga kemampuan yang maksimum.

Kanak-kanak ini belajar bahasa dalam kadar yang agak lambat. Mereka mengalami kesukaran dalam pemikiran abstrak dan memerlukan pengulangan apabila mempelajari konsep baru. (Jamila K.A. Mohamed, 2005). Ini menunjukkan proses pengulangan diperlukan murid apabila semasa mempelajari bahasa.

Mengikut Rumrill dan Cook (2001), proses mengenal pasti murid-murid pendidikan khas seharusnya menggunakan ujian yang memenuhi kriteria psikometri kebolehpercayaan dan kesahan sebelum digunakan untuk mengenal pasti murid-murid berkeperluan khas. Keputusan ini menyokong hasil kajian yang didapati untuk Bahasa Inggeris (Fitzgerald & Stanahan, 2000). Ini bermaksud bahawa seseorang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai masalah dalam kemahiran membaca perkataan juga akan mengalami masalah dalam kemahiran mengeja.

1.12 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan dua kaedah pengajaran Al-Quran iaitu di antara penggunaan Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran dan Kaedah Iqra' terhadap literasi Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas. Pendedahan kepada para guru dalam merancang kaedah dan teknik untuk menangani kesukaran yang dihadapi oleh murid bermasalah pembelajaran ini hendaklah dilaksanakan dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang kepentingan literasi berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian yang akan dijalankan ini akan turut meneliti kaedah-kaedah lain yang telah digunakan untuk meningkatkan literasi murid khususnya literasi Al-Quran. Turut dibincangkan adalah pelajaran Al-Quran yang semakin kurang diminati oleh para pelajar dan beberapa masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran Al-Quran yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji terdahulu. Kajian-kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajaran Al-Quran di kalangan murid. Namun tiada kajian sebelum ini yang dapat dijadikan asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbincangan dan rujukan untuk mengenalpasti literasi Al-Quran dan minat murid bermasalah pembelajaran terhadap pembelajaran Al-Quran.

Disebabkan kaedah yang akan digunakan dalam kajian merupakan pendekatan baru yang belum pernah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain sebelum ini, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan secara jelas tentang Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Turut diterangkan adalah cara-cara dan teknik menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Tinjauan literatur dapat menjelaskan kajian-kajian yang telah dijalankan terdahulu. Penelitian terhadap kajian terdahulu akan membantu dan memberi input yang bermanfaat dalam perbincangan kajian ini yang berkaitan dengan kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK terhadap literasi Al-Quran dan peningkatan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam pelajaran Al-Quran. Hasil-hasil kajian pengkaji terdahulu akan dijadikan panduan dan rujukan dalam memahami tajuk kajian yang akan dijalankan dengan lebih jelas

.

2.2 Kepentingan Literasi

Literasi merupakan asas dalam proses perkembangan ilmu. Menurut Isahak Haron (2011) dalam pembentangan satu kertas kerja di Brunei yang bertajuk ’Pedagogi For Literacy Bahasa Melayu’ menyatakan bahawa masalah literasi atau tidak boleh membaca dan menulis di kalangan pelajar dan orang dewasa banyak dikaji, dengan tujuan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat kaedah mengajar 2M yang lebih berkesan. Beliau juga menyebut bahawa di kebanyakan sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia sekarang, terdapat sekumpulan murid yang tidak boleh atau lemah dalam 2M Bahasa Malaysia. Dalam literasi, kanak-kanak perlu diberi pendedahan dengan baik. Menurut Fisher, Flood, & Lapp, (1999) penceritaan yang baik dapat membantu kanak-kanak dalam memberi cabaran kepada intelek mereka, dapat berimaginasi dengan baik, membantu mereka mengenali dunia dan mendidik mereka supaya suka membaca.

Dalam kajian ini, kaedah pengajaran awal Al-Quran dilihat dari beberapa aspek tetapi aspek utama yang dilihat adalah perbandingan kesan dua pendekatan mengajar Al-Quran terhadap Mengikut Yahya (2003), membaca adalah aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia dan kemahiran ini merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Proses membaca yang kompleks ini bergantung kepada komponen membaca perkataan tunggal dan komponen pemahaman (Catts, Adlof & Weismer, 2006).

Mengikut Pressley (2002), masalah paling utama yang dihadapi oleh seseorang yang sedang mula membaca adalah masalah dalam komponen membaca perkataan secara tunggal. Kemahiran mengeja perkataan berkait rapat dengan kemahiran membaca perkataan. Hasil kajian yang lepas telah menunjukkan bahawa proses kognitif yang mendasari kedua-dua kemahiran membaca perkataan dan kemahiran mengeja adalah hampir sama (Fitzgerald & Stanahan, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Masalah Literasi Al-Quran di Kalangan Murid

Menurut Isahak Haron dan rakan-rakan (2008) dalam laporan kajian bertajuk Keberkesanan Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah Menggunakan Kaedah Gabungan-Bunyi Kata (KGBK), menyatakan bahawa kita boleh mengajar kanak-kanak membaca dengan mengabungkan 'bunyi' huruf vokal 'alif ya wau' (و , ي , ا) dengan bunyi satu atau dua huruf konsonan, misalnya 'ba' (bh) 'ta' (teh) (ت , ب) membentuk suku kata 'ba bi bu'; (بو , بي , با) dan terus membina 'perkataan' seperti 'baba' (بابا); 'bibi' (بي بي); 'bubu' (بوبو); 'aba' (ا با); 'abi' (بيا), 'abu' (ابو) supaya kanak-kanak boleh membaca 'perkataan' atau frasa lain seperti 'abi abu' **(** بيا بوا) atau 'bubu baba' (بوبو بابا). Ini boleh jalankan dalam dua atau tiga pelajaran saja (setengah jam bagi satu pelajaran). Jadi dalam satu setengah jam saja (dua atau tiga pelajaran) kanak-kanak normal boleh 'membaca perkataan' atau frasa jawi. Kanak-kanak tidak perlu diajar mengenal semua huruf abjad jawi 'alif, ba, ta, tha, dal, ra, sin (س , ر , ث , ت , ب , ا) hingga ke .. 'nya' (ڽ) mengikut turutan dalam abjad, sebelum mereka diajar membaca perkataan.

Huruf vokal 'alif, ya, wau' (و , ي , ا) diajar di peringkat awal dalam Mudah Belajar Jawi : KGBK sebab huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf vokal jawi padanan dengan huruf Rumi 'e' dikemudiankan kerana ia lebih sukar sedikit. Huruf 'e' mempunyai dua bunyi iaitu 'e' pepet seperti dalam perkataan 'emak' dan 'enam' dan 'e' taling seperti dalam 'ekor' dan 'elok'. Ini menyusahkan kanak-kanak kalau diajar pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat awal. Huruf ‘o’ mempunyai bunyi yang hampir sama dengan ‘u’ dan ditulis dengan huruf vokal ‘wau’ (و) dalam Jawi.

Murid kemudian diperkenalkan dua konsonan yang kerap dan popular disebut orang apabila mula belajar jawi: mengenal ‘alif, ba, ta’ (ا , ب , ت). Ia senang disebut, bunyinya jelas dan mudah ditulis. Huruf konsonan ‘kaf’ (ک) pula diperkenalkan sebab banyak perkataan suku kata terbuka yang boleh dibentuk dan dibaca darinya. Ia juga agak mudah ditulis. Kemudian diperkenalkan huruf ‘dal’ (د) dan ‘ra’ (ر) sebab dua huruf ini mudah ditulis, dan tidak boleh di‘sambung’ selepasnya. Banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibentuk darinya.

Hassan Basri dan rakan-rakan (2012), dalam satu kajian berkaitan menguji kebolehan menyebut makhraj huruf mendapati huruf-huruf hijaiyah yang mempunyai sebutan bunyi yang hampir sama dengan sebutan Bahasa Melayu lebih mudah disebut berbanding dengan huruf-huruf hijaiyah yang tidak mempunyai sebutan bunyi yang sama dalam Bahasa Melayu. Hasil kajian tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas seperti graf di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1 Graf : Tahap sebutan bunyi huruf

Berdasarkan graf di atas, terbukti bahawa huruf-huruf hijaiyah yang mempunyai sebutan yang hampir sama dengan sebutan Bahasa Melayu mendapat pencapaian markah yang tinggi berbanding huruf-huruf hijaiyah yang tidak mempunyai sebutan bunyi yang sama dalam Bahasa Melayu. Hasil kajian ini membuktikan pendekatan yang memperkenalkan huruf-huruf mudah yang mempunyai sebutan bunyi yang hampir sama dalam Bahasa Melayu akan membantu murid lebih mudah dan cepat menguasai kemahiran asas literasi Al-Quran berbanding kaedah dan pendekatan lain. Inilah asas pendekatan yang digunakan di dalam Kaedah Gabungan Bunyi Kata di mana huruf-huruf hijaiyah dipecahkan kepada dua kumpulan utama. Kumpulan huruf pertama adalah huruf-huruf yang mudah disebut manakala kumpulan kedua adalah huruf-huruf yang agak sukar disebut atau dibunyikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan pengajaran Al-Quran di sekolah dan masalah-masalah yang dihadapi murid dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran Al-Quran. Misnan Jemali (2006), telah menjalankan kajian bertajuk Metodologi Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian membaca Al-Quran di sekolah menengah harian berada di tahap paling rendah. Ini menunjukkan bahawa pengajaran Al-Quran di sekolah menengah tidak berjalan dengan baik dan tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara faktor kegagalan pelajar menguasai Al-Quran yang dikemukakan oleh pengkaji adalah kerana pengajaran Al-Quran di sekolah menengah berada di tahap sederhana dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran iaitu pedagogi. Berdasarkan kajian tersebut, beliau melihat bahawa pendekatan pengajaran Ibnu Khaldun tentang menyelesaikan sesuatu topik kemudian berpindah ke topik yang baru adalah sangat sesuai dengan pengajaran al-Quran di bilik darjah contohnya seperti mengajar membaca surah al-Fatihah setelah tercapai objektifnya, maka bolehlah berpindah kepada surah An-Nas.

Misnan Jemali (2008), juga telah menjalankan satu lagi kajian berkaitan Al-Quran iaitu Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah-sekolah Menengah. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan 4 seramai 2116 orang dari 25 buah sekolah menengah harian terpilih di negeri Perak. Dalam kajian ini seramai 56 orang guru telah ditemubual manakala seramai 40 orang guru dilihat melalui pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kajian ini menggunakan 3 set soal selidik yang melibatkan pelajar, temubual guru dan permerhatian guru. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru di tahap sederhana kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurang penggunaan alat bantu mengajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Saidi Mohd (2008), telah menjalankan kajian yang bertajuk Keupayaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat : Kajian di Beberapa Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu. Kajian ini melibatkan sampel seramai 320 orang pelajar tingkatan empat dari 10 buah sekolah menengah di Terengganu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keupayaaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa masalah dan kelemahan pelajar dalam bacaan Al-Quran masih wujud. Kajian tersebut menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang gagal dalam ujian bacaan Al-Quran yang dijalankan dan tidak kurang juga yang mencapai tahap cemerlang. Walaupun pada keseluruhannya peratus kelulusanyang diperolehi agak besar namun kualiti bacaan berdasarkan hukum hakam bacaanyang ditetapkan masih tidak dapat dibanggakan. Kajian ini turut menyatakan hasil kajian menunjukkan bahawa masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam aspek bacaan Al-Quran masih berterusan. Jumlah yang besar di kalangan pelajar yang tidak berkemampuan membaca Al-Quran ini seolah-olah menunjukkan tidak ada perubahan selama ini pada tahap bacaan Al-Quran di kalangan pelajar walaupun pada hakikatnya pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut.

Muhammad Farhan Ismail & Siti Nurfarhana Zakaria (2010), telah menjalankan kajian yang bertajuk Kajian Pembacaan Surah Al-Fatihah di Kalangan Pelajar Politeknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kuching Sarawak. Kajian yang telah dijalankan ini melibatkan sampel seramai 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak. Antara masalah yang dikaji adalah tidak mengenal huruf sehingga tidak dapat membaca langsung, membaca tanpa waqaf (berhenti), berhenti di tempat yang dilarang berhenti, bertukar makhraj huruf-huruf tertentu dalam surah terbabit, tidak membaca dengan tajwid yang betul.

Kajian yang dianalisis secara statistik deskriptif bertujuan memberi alternatif kepada mereka yang berkaitan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran di kelas serta mempertingkatkan kemahiran pembacaan Al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar masih gagal menguasai bacaan Al-Quran khususnya dalam bacaan surah Al-Fatihah. Pelajar mempunyai asas tetapi masih belum mencukupi. Masalah dari aspek kelancaran menjadi persoalan kerana pelajar yang terlibat berusia 17 tahun hingga 21 tahun. Di akhir kajian, pengkaji mencadangkan kaedah pengajaran melalui Sistem Makmal sebagaimana yang dijalankan kepada subjek-subjek Sains di peringkat sekolah. Sistem Makmal ini dicadangkan kerana, Pengajian Islam memerlukan satu tempat yang lebih sesuai untuk dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji berpendapat kesesuaian tempat juga menjadi faktor untuk menarik minatpelajar untuk belajar. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan beberapa aktiviti tambahan dalam meneguhkan kaedah seperti Kaedah Talaqqi, Kaedah Hafazan, Kaedah Tasmi', dan Kaedah Latih Tubi. Kaedah ini akan memberi kesan positif terhadap peningkatan penguasaan kemahiran membaca pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kesan Kaedah Pengajaran Terhadap Literasi Al-Quran

Mohd Hanafi Jusoh & Iruwan Idris (2011), telah menjalankan kajian bertajuk Keberkesanan Kaedah Al-Hira' Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran di kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sampel kajian yang terlibat adalah dalam kalangan pelajar semesta 1 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sampel yang terlibat adalah pelajar-pelajar yang mengalami masalah dalam pembacaan Al-Quran yang dipilih oleh pensyarah kelas melalui ujian bacaan Al-Quran. Pelajar yang terlibat diberikan bengkel pemulihan Al-Quran di mana mereka diajar membaca Al-Quran menggunakan Kaedah Al-Hira' selama sebulan untuk 20 jam. Keberkesanan kaedah ini dilihat melalui pra ujian dan pos ujian yang dijalankan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kaedah Al-Hira' memberi kesan yang besar terhadap tahap bacaan pelajar. Hasil kajian menunjukkan tidak ada pelajar yang gagal selepas menghadiri bengkel pemulihan Al-Quran yang menggunakan Kaedah Al-Hira'. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa penggunaan Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran berjaya membantu pelajar membaca Al-Quran dalam masa yang singkat. Ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Kenyataan ini dibuktikan berdasarkan perbandingan peratusan markah yang dicapai pelajar dalam pra ujian dan pos ujian.

Mohd Alwi Yusoff, Adel Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed (2003), telah menjalankan satu kajian bertajuk Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran. Kajian ini melibatkan sampel di 27 buah sekolah di beberapa buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 6 buah sekolah agama swasta. Kajian yang dijalankan untuk melihat keberkesanan Kaedah Iqra' ini menyatakan bahawa pada umumnya Kaedah Iqra' memberi kesan baik terhadap pencapaian pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia sebagai satu kaedah alternatif. Namun beberapa masalah yang dihadapi oleh guru perlu diatasi untuk meningkatkan tahap keberkesanan kaedah ini. Masalah ini dikenalpasti hasil soal selidik yang dijalankan kepada para guru. Antaranya adalah tidak ada panduan khusus yang menerangkan cara pengajaran Al-Quran mengikut Kaedah Iqra', tidak ada kursus-kursus intensif yang berterusan kepada guru-guru, bilangan murid yang ramai dalam satu bilik darjah, tempoh masa yang singkat iaitu enam bulan tidak mencukupi untuk mengajar kaedah ini, perbezaan cara pengajaran Al-Quran di antar sekolah dan rumah, tidak ada buku yang khusus untuk latihan harian dan bulanan, kurangnya aktiviti sampingan dalam pengajaran Al-Quran, tidak ada pengawasan pihak berkaitan terhadap buku-buku yang diedarkan di sekolah-sekolah, naskhah buku Iqra' yang digunakan tidak mempunyai tarikan-tarikan yang dapat menarik perhatian murid seperti warna-warna sesuai dan lain-lain.

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (2009), telah menjalankan kajian yang bertajuk Kaedah Mudah Belajar Membaca Al-Quran Bertajwid (KALAM) : Satu Kajian Ringkas. Hasil kajian ini menyatakan bahawa Kaedah Kalam merupakan satu sistem di mana pembelajaran bacaan Al-Quran dan hukum-hukum tajwid dijalankan secara beriringan dan dibentangkan sebagai satu cabang ilmu yang saling memerlukan, berhubungkait dan menjurus ke arah matlamat yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akmariah Mamat & Sofiah Ismail (2010), telah menulis satu artikel berkaitan jawi yang bertajuk Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia. Artikel tersebut membincangkan tentang masalah penguasaan jawi murid tahap satu di kebanyakan sekolah kebangsaan. Keadaan tersebut perlu ditangani dengan segera supaya murid dapat menguasai kemahiran mengenal, mengeja, menulis, dan membaca jawi sebelum memasuki Tahap 2. Artikel ini turut mengetengahkan beberapa konsep, kaedah dan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran jawi seperti konsep belajar sambil bermain. Turut ditekankan adalah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan melalui penggunaan bahan bantu mengajar, aktiviti berkumpulan, motivasi dan interaksi yang akan merangsang pelajar untuk belajar. Kaedah pengajaran juga perlu dipelbagai mengikut keperluan pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza dalam penguasaan jawi bertujuan memudahkan pelajar memahami pengajaran guru dalam suasana gembira tanpa rasa terpaksa.

2.5 Teori dan Kaedah Pengajaran Jawi

Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK)

Kaedah Gabungan Bunyi Kata diperkenalkan oleh Isahak Haron pada tahun 1979. Kaedah ini dibina hasil gabungan dua perspektif yang berbeza iaitu kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan dengan mengambil kira kekuatan yang terdapat pada setiap pendekatan itu. Isahak Haron (1979) mengatakan kaedah ini menggabungkan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fonik dan kaedah seluruh perkataan dalam satu kaedah yang bersepadu (integrated), sistematik, kumulatif, berturutan (sequential) dan berkembang (developmental) berasaskan ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ejaan Bahasa Melayu yang fonemik, suku kata yang jelas, dan tatabahasa Bahasa Melayu yang lebih mudah daripada Bahasa Inggeris. Murid tidak perlu mengetahui semua nama huruf, bunyi huruf dan suku kata sebelum membaca perkataan atau ayat.

Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK

Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) bermaksud gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan ’seluruh perkataan’ (whole word). Pendekatan yang digunakan dalam kaedah ini berdasarkan ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam Bahasa Melayu, seperti sistem ejaan Jawi yang fonemik, suku kata yang jelas, dan tatabahasanya yang lebih mudah berbanding Bahasa Inggeris. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Isahak Haron dan rakan-rakan berkaitan pengajaran dan pembelajaran awal membaca Bahasa Melayu Rumi (2003), mendapati bahawa Kaedah Gabungan Bunyi Kata lebih berkesan berbanding dengan kaedah abjad atau kaedah seluruh perkataan.

Kaedah KGBK mula digunakan untuk mengajar Jawi dengan terbitnya buku Isahak Haron ’Jawi untuk Pemula’ dan ’Mudah Belajar Jawi’ oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995 berasaskan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) yang telah diperkenalkan oleh Professor Emeritus Dato’ Isahak Haron pada Disember 1979 untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengajar membaca Rumi Bahasa Melayu. Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK menyatakan bahawa kita boleh mengajar kanak-kanak membaca dengan mengabungkan 'bunyi' huruf vokal ***'alif ya wau'*** (و , ي , ا) dengan bunyi satu atau dua huruf konsonan, misalnya 'ba' ***(bh)*** 'ta' ***(teh)*** (ت , ب) membentuk suku kata 'ba bi bu'; (بو , بي , با) dan terus membina 'perkataan' seperti 'baba' (بابا); 'bibi' (بي بي); 'bubu' (بوبو); 'aba' (با); 'abi' (بي), 'abu' (بوا) supaya kanak-kanak boleh **membaca** 'perkataan' atau frasa lain seperti 'abi abu' (بي بوا) atau 'bubu baba' (بوبو بابا).

Ini boleh jalankan dalam dua atau tiga pelajaran saja (setengah jam bagi satu pelajaran). Jadi dalam satu setengah jam saja (dua atau tiga pelajaran) kanak-kanak normal boleh **'membaca perkataan'** atau **frasa jawi.** Kanak-kanak **tidak perlu diajar** mengenal semua huruf abjad jawi ***'alif, ba, ta, tha, dal, ra, sin*** (ا , ب , ت , ث , ر , س) … hingga ke .. ***'nya'*** (ن) mengikut turutan dalam abjad, sebelum mereka diajar membaca perkataan. Tujuan Kaedah (KGBK) ini ialah memudahkan kanak-kanak diajar dan belajar membaca dan menulis Jawi Bahasa Melayu dengan sistematik dan cepat. Bila kanak-kanak boleh membaca beberapa perkataan jawi dalam dua atau tiga pelajaran, mereka akan merasa 'berjaya' dan terbina sikap ingin belajar jawi kerana mereka mudah membacanya. Inilah prinsip asas dalam pedagogi pengajaran Jawi ini.

Sebab huruf vokal ***'alif, ya, wau'*** (و , ي , ا) diperkenalkan terlebih dahulu kerana hurf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf vokal jawi padanan dengan huruf Rumi 'e'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemudiankan kerana ia lebih sukar sedikit. Huruf ‘e’ mempunyai dua bunyi iaitu ‘e’ pepet seperti dalam perkataan ‘emak’ dan ‘enam’ dan ‘e’ taling seperti dalam ‘ekor’ dan ‘elok’. Ini menyusahkan kanak-kanak kalau diajar pada peringkat awal. Huruf ‘o’ mempunyai bunyi yang hampir sama dengan ‘u’ ditulis dengan huruf vokal ***‘wau’*** (و) dalam Jawi.

Murid kemudian diperkenalkan dua konsonan yang kerap dan popular disebut orang apabila mula belajar jawi: mengenal ***‘alif, ba, ta’*** (ت , ب , ا). Ia senang disebut, bunyinya jelas dan mudah ditulis. Huruf konsonan ***‘kaf’*** (ک) pula diperkenalkan sebab banyak perkataan suku kata terbuka yang boleh dibentuk dan dibaca darinya. Ia juga agak mudah ditulis. Kemudian diperkenalkan huruf ***‘dal’*** (د) dan ***‘ra’*** (ر) sebab dua huruf ini mudah ditulis, dan tidak boleh di‘sambung’ selepasnya. Banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibentuk darinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian diperkenalkan pula huruf ***‘cha’*** (چ), ***‘mim’*** (م) dan ***‘nun’*** (ن). Ketiga-tiga huruf ini mudah ditulis, dan banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibina daripadanya. Seterusnya ialah huruf ***‘sin’*** (س), ***‘lam’*** (ل), ***‘pa’*** (ڤ), dan ***‘jim’*** (ج), diperkenalkan. Huruf-huruf konsonan ini lebih kerap digunakan dalam ejaan perkataan bahasa Melayu, dibandingkan dengan huruf ***‘tha’*** (ث), ***‘syin’*** (س), ***‘sod’*** (ص), ***‘zal’*** (ذ), ***‘nya’*** (ڽ), ***‘hamzah’*** (ء), dan sebagainya. Huruf-huruf ini boleh diajar kemudian. Huruf ***‘tha’*** (ث), ***‘ha’*** kecil (ح), ***‘sod’*** (ص), ***‘dhod’*** (ض), ***‘tho’*** (ط) dan ***‘zho’*** (ظ) boleh dikemudiankan, kerana huruf-huruf ini tidak begitu kerap digunakan dalam mengeja perkataan Melayu. Huruf-huruf ini akan diajar kemudian, setelah murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguasai membaca perkataan, frasa dan ayat Jawi mengguna huruf dan suku kata yang mudah.

Sistem pendidikan yang diamalkan sekitar 1980an jawi diajar satu waktu 30 minit seminggu sebagai sebahagian dari mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu empat hingga enam waktu seminggu. Pada tahun 1991, dalam kajian yang dijalankan oleh Mustapha Yazid mendapati bahawa murid sekolah rendah lemah jawi. Faktor yang dinyatakan dalam kajiannya situasi ini adalah disebabkan oleh kelemahan pengajaran jawi di sekolah.

Norlaila Sulaiman 1992/93 telah menjalankan kajian di kalangan murid di tiga buah sekolah rendah. Hasil kajian tersebut mendapati murid masih lemah dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis jawi. Beliau menyatakan bahawa punca masalah ini antaranya adalah disebabkan masa yang terhad dalam pengajaran jawi dan kaedah yang kurang berkesan.

Kajian oleh Abdul Haris Anuar 1991 pula mendapati perbezaan kaedah mengajar Jawi di kalangan guru-guru : 60% daripada mereka menggunakan Kaedah Abjad : 20% Kaedah Terus, dan 20% Kaedah Campuran.

Kajian Isahak Haron 2005/2006 mendapati kaedah mengajar jawi yang kerap diamalkan oleh guru Pendidikan Islam ialah Kaedah Abjad. Ini seolah-olah kaedah yang menjadi amalan tradisi di kalangan kebanyakan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dewi Maslehah Md. Yusop (1995) telah menjalankan kajian yang bertajuk Pengajaran Bacaan Jawi Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata Dengan Bantuan Huruf Rumi, Laporan Penyelidikan, Sarjana Pendidikan, Falkulti Pendidikan, Universiti Malaya. Hasil kajian mendapati bahawa KGBK ini mudah dan berkesan, sebagai kaedah alternatif kepada Kaedah Abjad terutama untuk pengajaran pemulihan Jawi sekarang. Pengkaji turut menyatakan bahawa murid mudah belajar membentuk perkataan seperti ’ abu ubi baba batu’ dari suku kata ’ba bi bu, ta ti tu’ yang diajar dan mereka mudah mengingat apa yang mereka bina.

Murid juga cepat menunjukkan minat untuk belajar jawi, kerana mereka minat untuk bermain ’membina perkataan’ dan ayat dan membacanya. Mereka juga boleh menulis perkataan. Namun dinyatakan juga bahawa masalah yang dihadapi ketika itu adalah proses pengajaran dan pembelajaran jawi hanya diperuntukkan 30 minit seminggu. Jarak jangkamasa yang agak lama menyebabkan murid sukar mengingati pelajaran yang mereka pelajari seminggu yang lalu.

Dewi Masleha juga menggunakan kad imbasan sebagai peneguhan yang dapat membantunya mengajar jawi. Kajian Dewi Masleha ini agak terhad. Oleh demikian, dapatan awal tentang keberkesanan KGBK untuk mengajar Jawi oleh Dewi Maslehah Md Yusop (1995) akan dikaji lagi dengan menggunakan sampel guru dan murid Tahun 1 dan murid ’pemulihan’ yang lebih besar di beberapa buah sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada Julai 2004, satu bengkel tentang pengajaran jawi telah diadakan di Bertam, Seberang Prai untuk guru-guru rendah dan menengah. Para guru dibimbing mengajar jawi pendekatan KGBK dan mereka dibekalkan dengan buku untuk murid. Tinjauan yang dibuat selepas bengkel menunjukkan yang sebahagian besar guru-guru yang hadir mendapati KGBK mudah dan boleh dilaksanakan di sekolah, terutamanya untuk pengajaran pemulihan murid yang lemah jawi.

Kaedah Gabungan Bunyi-Kata untuk jawi telah pun dibukukan dalam buku berjudul ”Mudah Membaca dan Menulis Jawi” 1996 oleh Isahak Haron, terbitan DBP. Pada Disember 2004, DBP menerbitkan pula buku berjudul ” Mudah jawi” yang diasaskan kepada pendekatan KGBK, bertujuan untuk mengajar murid Tahun 1 yang baru belajar Jawi. Ia juga berpandu kepada Sukatan Pelajaran Jawi dan Huraian Sukatan Pelajaran Jawi Tahun 1, KPM.

Kajian oleh kumpulan UPSI tentang penggunaan Kaedah Gabungan Bunyi-Kata untuk pengajaran membaca dan menulis rumi bahasa Melayu peringkat awal (prasekolah, tahun 1 dan Pemulihan) rumi didapati lebih mudah dan berkesan. (Isahak Haron 2004). Kaedah gabungan Bunyi-Kata akan digunakan pula untuk mengajar jawi di peringkat awal iaitu untuk murid-murid Tahun 1 dan untuk pengajaran pemulihan Pendidikan Islam tahun 2005.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Teori Pengajaran Al-Quran

Terdapat beberapa teori yang boleh digunakan dalam pembelajaran Al-Quran. Antara teori yang masyhur di kalangan umat Islam adalah teori yang diilhamkan oleh dua orang tokoh ilmuan Islam yang terbilang iaitu Imam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun. Kedua-dua teori ini dilihat sangat sesuai dan bertepatan dengan apa yang diperlukan dalam pengajaran Al-Quran.

Menurut al-Ghazali (2004) terdapat tiga jenis media yang menjadi sumber ilmu pengetahuan iaitu; pertama ialah pancaindera, yang merupakan sumber yang boleh ditentukan (al-Mahsusat), kedua ialah akal yang rasioanal (Al-Aqliyat) atau 'pandangan' oleh pemikiran yang merupakan sumber yang rasional, dan ketiga ialah tingkahlaku atau tabi'at (Ittirad Al-'Adat) kebiasaan bagi yang membolehkan seseorang untuk mengetahui makna bagi mesej-mesej.

Menurut Abu al-Nuaimy (2004), menyatakan bahawa bagi Imam al-Ghazali untuk menghuraikan mukjizat memerlukan dua media; akal (kognitif) dan tabi'at (tingkahlaku). Al-Ghazali menggunakan idea-idea ini untuk membuktikan bahawa mukjizat-mukjizat adalah menyokong konsep kenabian.Beliau menyatakan bahawa melalui akal seseorang boleh menemui dan mengetahui bahawa mukjizat merupakan satu aktiviti oleh seseorang pencipta dan pembuat yang berada dalam kawalan. Beliau menambah lagi bahawa melalui adat dan tabiat mukjizat, menunjukkan kebenaran Nabi Muhammad SAW. Al-Ghazali tetap dengan pendiriannya dengan menegaskan bahawa kefahaman rasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah merupakan sumber ilmu dan beliau menggunakan istilah kefahaman rasional untuk membezakan kefahaman manusia dengan kemampuan binatang untuk memahami mengikut naluri mereka.

Teori yang diilhamkan oleh Ibnu Khaldun (1983) pula menyatakan bahawa setiap isi pengajaran dan persoalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah ke topik yang lain. Murid-murid akan menjadi kebingungan jika persoalan pertama belum diselesaikan, guru telah beralih dan menukar kepada masalah dan tajuk yang lain. Model pengajaran ini berdasarkan pendekatan Rasullah saw dalam pengajaran Al-Quran. Abdullah bin Masud r.a berkata ; " Kebiasaan di antara kami (sahabat) jika belajar Al-Quran tidak melebihi sepuluh ayat, sehingga mereka benar-benar menguasai bacaanya secara talaqi dengan Rasullah saw memahami maknanya dan tahu cara melaksanakannya dan seterusnya mengamalkannya" (Ibnu Kathir 1984). Misnan Jemali (2006) melihat bahawa pendekatan pengajaran Ibnu Khaldun tentang menyelesaikan sesuatu topik kemudian berpindah ke topik yang baru adalah sangat sesuai dengan pengajaran al-Quran di bilik darjah contohnya seperti mengajar membaca surah al-Fatihah setelah tercapai objektifnya, maka bolehlah berpindah kepada surah An-Nas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Metod dan Kaedah Pengajaran Al-Quran

Banyak kajian yang telah dibuat berkaitan masalah literasi atau tidak boleh membaca Al-Quran di kalangan murid pelbagai peringkat. Kajian-kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mendapat kaedah mengajar Al-Quran yang lebih berkesan.

Terdapat beberapa pendekatan atau kaedah mengajar Al-Quran atau Bahasa Arab (Quranic Words). Secara asasnya kesemua kaedah yang digunakan dipengaruhi oleh dua perspektif pemikiran yang utama. Perspektif yang pertama adalah berasaskan ilmu linguistik. Perspektif ini menyatakan bahawa bahasa terdiri daripada bunyi-bunyi asas yang disebut sebagai fonem. Adunan fonem ini akan membentuk perkataan dan ayat yang bermakna dan boleh difahami orang lain. Pendekatan yang berasaskan perspektif linguistik dinamakan kaedah fonik atau abjad-fonik. Berdasarkan kaedah fonik, murid diajar bermula dengan mengenal huruf dan bunyi huruf. Murid tidak boleh diajar membaca perkataan atau ayat sebelum dapat mengenal bentuk huruf dan menguasai kesemua bunyi huruf secara berturutan.

Perspektif yang kedua pula berasaskan psikologi perkembangan kognitif bahasa murid. Perspektif ini menyatakan bahawa murid sentiasa member makna kepada pengalaman mereka termasuk bahasa. Berdasarkan perspektif ini, di peringkat permulaan membaca, murid perlu diajar dengan perkataan dan bahasa yang bermakna. Ini bermakna, murid akan diperkenalkan dengan perkataan-perkataan bermakna secara keseluruhan perkataan yang juga disebut sebagai kaedah whole word atau whole language. Perspektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini beranggapan bahawa pendekatan seluruh bahasa atau perkataan lebih bermakna kepada murid berbanding dengan bunyi huruf (fonem) atau nama huruf dalam sesuatu perkataan. Berdasarkan kaedah seluruh perkataan, murid akan diperkenalkan dengan beberapa perkataan yang bermakna. Kemudian perkataan tersebut akan dipecahkan atau dicerakinkan kepada suku kata. Murid akan diajar mengeja suku kata dan kemudian akan diajar menyebut dan mengenal huruf-huruf daripada suku kata.

Kedua-dua perspektif ini bukan sahaja mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, malah turut mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Arab dan Al-Quran. Di Malaysia di antara kaedah popular yang digunakan dalam pengajaran Al-Quran adalah Kaedah Iqra'. Kaedah Iqra' diperkenalkan dan diterima pakai dalam sistem pendidikan Al-Quran di Malaysia. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia, menjadikan Kaedah Iqra' sebagai kaedah pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kaedah Iqra' merupakan kaedah pengajaran tilawah Al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi atau mengubahsuai kaedah lama iaitu Kaedah al-Bagdadi. Kaedah Iqra' disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam di Indonesia aiatu di mana bunyi huruf dipentingkan. Walaupun kaedah fonik popular di Indonesi namun kurang dikenali di Malaysia.

Kaedah Iqra' adalah pendekatan pengajaran Al-Quran yang dibina berasaskan perspektif ilmu lingustik. Secara asasnya Kaedah Iqra' adalah kaedah fonetik, di mana murid terus diperkenalkan kepada bunyi huruf hijaiyyah berbaris satu (baris atas sahaja)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikut urutan. Berdasarkan Kaedah Iqra', murid hanya akan diajar membaca perkataan setelah berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu mengikut urutan. Dalam Buku 1 (Kaedah Iqra'), walaupun murid diajar membunyikan huruf hijaiyyah secara bercampur-campur (بَ تَ أَ), namun setiap huruf hijaiyyah berbaris satu akan diajar mengikut urutan أَ – يَ. Murid mesti dapat membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu sebelum diajar membaca perkataan di Buku 2 (Kaedah Iqra'). Murid tidak akan diajar membaca perkataan selagi murid belum berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu أَ – يَ. Setelah murid berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah baris satu, murid akan diajar membaca perkataan yang terdiri daripada perkataan baris satu dan campuran bacaan mad أ sahaja, contohnya تَرَ, ذَهَبَ, غَسَالَ. Murid akan diajar membaca perkataan-perkataan baris satu dan campuran bacaan mad secara bercampur tanpa mengikut urutan huruf. Setelah murid boleh membaca perkataan-perkataan dalam Buku 2 (Kaedah Iqra'), murid kemudian akan diajar untuk membunyikan huruf hijaiyyah baris bawah, bacaan sukun, huruf hijaiyyah baris depan, bacaan tanwin, bacaan saddah dan membaca ayat.

Berdasarkan Kaedah Iqra', murid yang tidak dapat membunyikan semua huruf hijaiyyah أَ – يَ, dianggap belum bersedia untuk diajar membaca perkataan atau dikategorikan sebagai murid lambat membaca. Murid ini akan diulang pengajaran membunyikan kesemua huruf hijaiyyah baris satu. Proses pengulangan bergantung kepada kemampuan murid untuk membunyikan kesemua huruf hijaiyyah baris satu. Situasi ini akan menyebabkan murid yang tidak dapat membunyikan kesemua huruf hijaiyyah ketinggalan dalam pelajaran Al-Quran, malah akan menyebabkan murid hilang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minat dan motivasi untuk belajar Al-Quran. Akhirnya murid akan terus ketinggalan dengan tidak menguasai literasi Al-Quran.

Menurut Isahak Haron (2008) tentang Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK, menyatakan bahawa kita boleh mengajar kanak-kanak membaca dengan mengabungkan 'bunyi' huruf vokal ***'alif ya wau'*** (و , ي , ا) dengan bunyi satu atau dua huruf konsonan, misalnya 'ba' ***(bh)*** 'ta' ***(teh)*** (ت , ب) membentuk suku kata 'ba bi bu'; (بو , بي , با) dan terus membina 'perkataan' seperti 'baba' (بابا); 'bibi' (بي بي); 'bubu' (بوبو); 'aba' (باا); 'abi' (بيلي), 'abu' (بوا) supaya kanak-kanak boleh **membaca** 'perkataan' atau frasa lain seperti 'abi abu' (بيلي بوا) atau 'bubu baba' (بوبو بابا). Ini boleh jalankan dalam dua atau tiga pelajaran saja (setengah jam bagi satu pelajaran). Jadi dalam satu setengah jam saja (dua atau tiga pelajaran) kanak-kanak normal boleh **'membaca perkataan'** atau **frasa jawi.** Kanak-kanak **tidak perlu diajar** mengenal semua huruf abjad jawi ***'alif, ba, ta, tha, dal, ra, sin*** (س , ر , ث , ت , ب , ا) hingga ke .. ***'nya'*** (ڽ) mengikut turutan dalam abjad, sebelum mereka diajar membaca perkataan.

Huruf vokal ***'alif, ya, wau'*** (و , ي , ا) diajar di peringkat awal dalam Mudah Belajar Jawi : KGBK sebab huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf vokal jawi padanan dengan huruf Rumi 'e' dikemudiankan kerana ia lebih sukar sedikit. Huruf 'e' mempunyai dua bunyi iaitu 'e' pepet seperti dalam perkataan 'emak' dan 'enam' dan 'e' taling seperti dalam 'ekor' dan 'elok'. Ini menyusahkan kanak-kanak kalau diajar pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat awal. Huruf ‘o’ mempunyai bunyi yang hampir sama dengan ‘u’ dan ditulis dengan huruf vokal ***‘wau’*** (و) dalam Jawi.

Murid kemudian diperkenalkan dua konsonan yang kerap dan popular disebut orang apabila mula belajar jawi: mengenal ***‘alif, ba, ta’*** (ت , ب , ا). Ia senang disebut, bunyinya jelas dan mudah ditulis. Huruf konsonan ***‘kaf’*** (ک) pula diperkenalkan sebab banyak perkataan suku kata terbuka yang boleh dibentuk dan dibaca darinya. Ia juga agak mudah ditulis. Kemudian diperkenalkan huruf ***‘dal’*** (د) dan ***‘ra’*** (ر) sebab dua huruf ini mudah ditulis, dan tidak boleh di‘sambung’ selepasnya. Banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibentuk darinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Kaedah Talaqqi Musyafahah

Kaedah talaqqi musyafahah merupakan kaedah pengajaran al-Quran yang telah dipraktikkan oleh Jibril a.s kepada Rasullah saw semasa peristiwa wahyu pertama diturunkan di Gua Hira’. Talaqqi Musyafahah bermaksud pengajaran secara bersemuka di antar guru dan murid melalui sebutan dan pergerakan bibir guru. Rasullah saw meniru bacaan yang dibacakan oleh Jibril dan menghafal bacaan tersebut. Dalam proses pengajaran dan pemebelajaran di kelas, murid dikehendaki mendengar bacaan guru kemudian mengikut bacaan yang sama. Proses ini berlaku secara bersemuka di antara murid dan guru untuk memenuhi prinsip kaedah ini yang memerlukan murid melihat pergerakan bibir guru supaya sebutan dan bacaan yang dilafazkan tepat. Pengajaran ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh dijalankan secara individu mahupun berkumpulan namun pembimbing perlu menguasai kemahiran al-Quran dengan baik. Kelebihan kaedah ini adalah murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.

2.7.2 Kaedah Tasmik

Kaedah tasmik merupakan kaedah yang sering digunakan untuk proses hafazan al-Quran. Murid akan memperdengarkan bacaan di hadapan guru. Kaedah ini memerlukan guru mendengar, meneliti dan menyemak bacaan murid. Sekiranya terdapat kesalahan bacaan, guru akan terus membetulkan kesalahan tersebut. Untuk menguji kefahaman murid, guru akan mengajukan beberapa soalan berhubung dengan bacaan seperti hokum tajwid dan tanda-tanda bacaan. Kelebihan kaedah ini adalah guru dapat mengenalpasti tahap kekuatan dan kelemahan murid secara langsung dengan tepat.

2.7.3 Kaedah Tadarrus

Kaedah Tadarrus merupakan kaedah yang sering digunakan dalam masyarakat. Kaedah memerlukan penyertaan secara berkumpulan. Setiap kumpulan kebiasaannya disertai oleh empat atau lima orang murid. Murid-murid akan membaca secara bergilir-gilir. Sekiranya terdapat kesalahan, murid dalam anggota kumpulan akan membantu membetulkan bacaan. Semua kumpulan-kumpulan kecil ini akan membaca secara serentak dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemantauan guru. Kelebihan kaedah ini adalah murid dapat meningkatkan keyakinan diri di samping meningkatkan kemahiran sesama murid.

2.7.4 Kaedah Tikrar

Kaedah tikrar bermaksud kaedah bacaan secara berulang-ulang untuk tujuan pengukuhan daya ingatan dalam bacaan. Melalui kaedah ini, guru akan memperdengarkan bacaan dan akan diulang oleh murid secara beramai-ramai. Pengulangan ini akan diteruskan sehingga murid mahir dan fasih dalam bacaan. Murid tidak diajar dengan kemahiran baru sekiranya tidak dapat menguasai kemahiran sebelumnya. Kelebihan kaedah adalah dapat meningkatkan tahap keyakinan murid disamping membantu murid yang agak lambat menguasai sesuatu kemahiran.

2.7.5 Kaedah Bagdadiah

Pengasas Kaedah Baghdadiah ialah Abu Mansor Hafzul Fikri Al- Baghdadi pada tahun 376 Hijrah. Kaedah tersebut memperkenalkan huruf secara analisa berperingkat-peringkat dengan cara latih tubi dan pengulangan. Kaedah ini telah tersebar dan berkembang ke seluruh ceruk rantau dunia hingga ke saat ini. Ia telah menjangkau 1049 tahun dan telah menyumbangkan jasa yang besar kepada umat Islam. Kaedah Baghdadi ini begitu popular di kalangan umat Islam seluruh dunia. Pada tahun 1990an, Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Iqra', dan Qiraati serta lain kaedah mula diperkenalkan kepada umat Islam. Pada umumnya, Kaedah Baghdadi ini menggunakan kaedah mengeja dan membunyikan ejaan. Pada peringkat permulaan pengajaran huruf-huruf hijaiyyah diperkenalkan dengan cara menyebut setiap huruf hijayyah dari ا hingga ي secara latih tubi hingga hafaz. Seterusnya murid-murid akan diajar mengeja huruf tunggal baris atas dan membunyikan. Kemudian murid akan diajar mengeja huruf hijaiyyah dengan baris atas, baris bawah dan baris depan. Peringkat seterusnya, murid diajar mengeja perkataan-perkataan dengan bacaan sukun, bacaan saddah dan membunyikannya. Seterusnya murid akan diajar mengeja dan membunyikan perkataan-perkataan yang mempunyai baris dan bacaan yang berlainan yag terdiri daripada dua suku kata , empat suku kata dan lebih. Dalam Kaedah Baghdadi, pelajaran ilmu tajwid diajar menerusi surah-surah pendek daripada Al-Quran yang telah disusun dengan kaedah bermula dengan mudah kemudian sederhana dan seterusnya sukar.

2.7.6 Kaedah Qiraati

Kaedah Qiraati ini disusunoleh Haji Dachlan Salaim Larkasyi pada 1963. Pada 01 Jaulai 1996 kaedah ini diterbitkan secara rasmi. Kaedah ini mengandungi dua peringkat iaitu Qiraati untuk peringkat kanak-kanak dan Qiraati untuk peringkat dewasa. Qiraati untuk peringkat kanak-kanak terdiri daripada lima buah buku dan sebuah buku Gharib tentang kaedah Rasm Uthmani. Manakala Qiraati untuk peringkat dewasa pula pula terdiri daripada tiga buah buku. Dalam kedu-dua peringkat tersebut, murid akan diajar secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mushaf dan bertajwid. Pada peringkat permulaan pengajaraan, murid akan diajar menyebut huruf hijaiyyah tunggal tanpa baris. Kemudian murid akan diajar membunyikan huruf hijaiyyah baris satu di atas diikuti huruf-huruf bersambung baris satu di atas, baris bawah dan baris depan sebelum berpindah ke tahap bacaan yang lebih sukar.

2.7.7 Kaedah Hattawiyah

Kaedah ini diperkenalkan oleh Drs. Haji Mohd Usman dari Riau Sumatera. Beliau berpengalaman dalam bidang tilawah al-Quran selama 30 tahun. Beliau menggunakan konsep mempelajari al-Quran secara cepat yang dikenali sebagai Kaedah Hatawiah.Kaedah ini merupakan kaedah terkini sesuai, ringkas dan praktikal. Seseorang itu boleh membaca al-Quran dalam tempoh 4 1/2 jam atau selama 6 kali belajar, khasnya kepada mereka yang sudah lancar membaca rumi. Kaedah ini juga sesuai untuk mengajar saudara baru.

2.7.8 Kaedah Kalam

Kaedah Kalam diilham oleh Ustaz Johari Hj. Alias yang merupakan seorang pendidikak dan pegawai kerajaan yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan dan Pentadbiran Hal Ehwal Islam. Kaedah ini menekankan pembelajaran bacaan dan sebutan perkataan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkataan dan ayat-ayat yang mudah secara beransur-ansur sebagai asas pengenalan kepada ayat-ayat yang lebih kompleks yang terdapat di dalam Al-Quran.

Kaedah ini menerapkan pembelajaran bacaan Al-Quran secar serentak dengan pembelajaran tajwid. Ini bermakna kaedah ini mengamal pakej kemahiran dua dalam satu. Pembelajaran kaedah ini berdasarkan mashaf Uthmani yang banyak diguna oleh umat Islam masa kini. Sistem pengajarannya berdasarkan kepada pengenalan dan pemahaman variasi bentuk huruf, ayat dan tanda-tanda bacaan secara langsung tanpa perlu mengeja. Namun keperluan mengeja bergantung kepada kemampuan dan kebolehan seseorang murid.

Secara umum, kaedah ini terbahagi kepada enam siri atau tahap pembelajaran selaras dengan pengajian di peringkat rendah. Enam tahap pembelajaran kaedah ini adalah seperti berikut ; Buku 1 : Asas pengenalan bentuk huruf dan perubahan bunyi, tanda-tanda dan hukum asas mad dan hukum tajwid dan makhraj huruf. Manakala dalam Buku 2 : Latihan bacaan surah-surah pendek dan kemahiran bertajwid, bacaan surah-surah terpilih dan pendalaman hukum tajwid dan lanjutan kemahiran bacaan surah dan tajwid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.9 Kaedah Al-Hira'

Kaedah Al-Hira' ini adalah hasil ilham Dr. Hj. Muhammad Roihan Al-Mandily dalam bukunya yang bertajuk Kaedah Mudah Membaca Al-Quran. Kaedah Al-Hiran ini mengandungi 22 bab pelajaran yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian 1 atau Bahagian Pelajaran Asas. Manakala Bahagian 2 pula mengandungi 9 bab yang berkaitan dengan ilmu tajwid.

Kaedah Al-Hira' mengamalkan sistem yang menkankan latih tubi dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Setiap murid akan diminta mengulang-ulang perkataan sehingga mahir dan lancar. Murid tidak dibenarkan ke peringkat yang lebih tinggi sekiranya gagal menguasai kemahiran di peringkat sebelumnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.10 Kaedah Al-Jabari

Kaedah ini dibina dan disusun oleh Drs. H. Yusuf Shodik sebagai melengkapi metode sedia ada untuk sekolah umum atau madrasah. Kaedah ini mula digunapakai dan diuji pada tahun 1992 di sekolah-sekolah umum Jawa Barat. Gabungan beberapa metode dalam Kaedah Al-Jabari bertujuan memelihara tradisi lama yang baik dan turut mengembangkan cara baru yang lebih baik dalam mempelajari Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun terdapat beberapa pendekatan baru di dalam Kaedah Al-Jabari seperti susunan huruf hijaiyah tunggal namun secara keseluruhannya kaedah ini masih mengekalkan susunan topik pembelajaran yang sama iaitu bermula dengan huruf berbaris satu untuk keseluruhan huruf sebelum bepindah ke topik huruf-huruf bersambung.

2.7.11 Kaedah Iqra'

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia, menjadikan Kaedah Iqra' sebagai kaedah pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Negara. Kaedah Iqra' merupakan kaedah pengajaran tilawah Al-Quran yang disususn sebagai usaha mengadaptasi atau mengubahsuai kaedah lama (Baghdadi), bertujuan agar pelajar dapat membaca Al-Quran dalam waktu yang singkat dan cepat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musolla Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar Al-Quran sejak tahun 1950an dan melalui perubahan dan penyelidikan yang mendalam Mohd. Alwi Yusuf, dan rakan-rakan (2003). Dengan kejayaan yang dicapai, kaedah Iqra' telah tersebar luas ke seluruh Indonesia. Berbagai badan dakwah dan organisasi kerajaan menegendalikan kursus kaedah Iqra'. Kejayaan tersebut menarik minat Negara-negara seperti Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam mengambil manfaat dengan kaedah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di antara ciri-ciri kaedah Pengajaran Iqra' yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh Negara ialah; murid tidak diperkenalkan terlebih dahulu kepada umum huruf-huruf Hijaiyah dan tanda-tanda bacaan. Mereka terus diperkenalkan bunyi satu-satu huruf dengan menggunakan bahan pengajaran. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan satu set buku yang mengandungi 6 juzuk/naskhah. Murid menggunakan mengikut tahap masing-masing bermula juzuk pertama. Di susun secara berjilid dengan kulit buku berwarna-warni yang harmoni sehingga menarik minat. Ianya juga tidak menimbulkan rasa jemu.

Pendekatan kaedah pengajaran Iqra' ialah guru menerangkan pokok-pokok pengajaran yang murid sudah jelas mengulangi beberapa kali (talaqqi dan musyafahah), pengajaran dan pembelajaran secara kuliah ini boleh dilaksanakan dalam pengajaran tilawah Al-Quran, terutamanya untuk menjelaskan mahraj huruf, konsep mad, izhar, idgham dan sebagainya, sebelum diajar secara praktikal. (Ahmad Mohd Salleh, 2004). Kaedah ini kaedah tradisional yang banyak digunakan oleh ulama sila dan ternyata berkesan dan melahirkan ramai tokoh-tokoh yang terkenal, maka murid disuruh membaca sendiri bahan berikutnya.

Pengajaran kaedah Iqra' ini dilaksanakan secara talaqi dan musyafahah, dan ini sangat ditekankan supaya murid tahu betul bagaimana makhraj dan sifat-sifat huruf yang sebenarnya. Pengajaran Tilawah Al-Quran secara halaqah ini sangat pratikal kerana pengajarannya secara talaqqi dan musyafahah. Ahmad Mohd Salleh (2004) menyatakan bahawa Imam Al-Ghazali menggunakan kaedah halaqah, iaitu pelajar-pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengelilingi gurunya untuk mendengar syarahannya. Untuk penilaian dan pengesanan, rekod prestasi perlu disediakan seperti dicadangkan. Seorang guru pembimbing lima hingga enam orang murid dalam satu masa. Jika keadaan memerlukan guru boleh mengambil murid tertentu untuk menjadi pembantu dan penyemak bagi murid lain di peringkat bawah.

Kaedah Iqra' telah disusun secara lengkap, sempurna dan terancang dengan bentuk huruf reka bentuk yang seimbang. Bermula daripada mengenal huruf-huruf pelbagai baris peringkat demi peringkat sehingga ayat yang bermakna. Kerana prosesnya yang bersifat evolusi, maka ianya terasa mudah. Lingkaran petunjuk dan pengenalan adalah akrab dengan pembaca sehingga dapat menyeronokkan mereka yang mempelajarinya. Disusun dalam bahasa Melayu yang mudah difahami sehingga ianya lebih berkesan. Selain itu, sejak awal-awal lagi sudah diperkenalkan pelajaran secara berirama (mad=panjang dan tanpa mad=pendek) sehingga terasa seronok dalam membaca dan mendengarnya. Ia boleh dipelajari oleh sesiapa, bermula daripada kalangan kanak-kanak usia pra sekolah, ekolah rendah, sekolah menengah bahkan orang-orang dewasa mahupun para ibu bapa yang belum mahir membaca Al-Quran dapat mengajarkannya. Malah murid yang baru sahaja tamat jilid 2 dan 3 boleh mengajar murid yang masih diperingkat jilid 1. Ianya dapat menambahkan keseronokan dan suasana belajar dan mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kajian Pengajaran Al-Quran Terhadap Motivasi

Kajian yang dijalankan oleh Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani dan Ummu Hani Hashim (2012) bertajuk Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Memebaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Quran mendapati bahawa kelemahan dan masalah utama yang dihadapi pelajar, iaitu mereka tidak mampu mempraktikkan kefahaman nahu dan sarf yang dimiliki ketika membaca teks bahasa Arab ditambah lagi dengan tidak memahami maksud perkataan kerana kurangnya perbendaharaan kata bahasa Arab kajian melibatkan 44 orang respon yang terdiri daripada para pelajar yang mengambil subjek Maharat al-Qiraah di Fakulti Pengajian Islam, UKM telah dijalankan bertujuan meningkatkan kemahiran asas membaca teks Arab melalui pendekatan membaca Al-Quran dan latih tubi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan bertujuan membimbing pelajar untuk mengenalpasti kaedah-kaedah nahu dan sarf yang terdapat pada ayat-ayat Al-Quran. Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran pengukuhan membaca Kosa Kata Nama selepas al-jarrdan al-zarf wa mudaf ilayh dalam Al-Quran. Kebiasaannya pelajar hanya membaca Al-Quran tanpa menghiraukan mengapa ia perlu dibaca dengan baris al-fathah, al-dammah, al-kasrah dan al-sukun. Kajian ini cuba untuk menarik minat dan perhatian pelajar agar melihat dan mengenalpasti tanda bacaan setiap ayat Al-Quran yang dibaca berdasarkan kefahaman yang dimiliki dan seterusnya mengaplikasikannya untuk membaca teks bahasa Arab dengan bacaan yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Hanafi Jusoh & Iruwan Idris (2011), telah menjalankan kajian bertajuk Keberkesanan Kaedah Al-Hira' Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran di kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sampel kajian yang terlibat adalah dalam kalangan pelajar semesta 1 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sampel yang terlibat adalah pelajar-pelajar yang mengalami masalah dalam pembacaan Al-Quran yang dipilih oleh pensyarah kelas melalui ujian bacaan Al-Quran. Pelajar yang terlibat diberikan bengkel pemulihan Al-Quran di mana mereka diajar membaca Al-Quran menggunakan Kaedah Al-Hira' selama sebulan untuk 20 jam. Keberkesanan kaedah ini dilihat melalui pra ujian dan pos ujian yang dijalankan. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa penggunaan Al-Hira' dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran berjaya membantu pelajar membaca Al-Quran dalam masa yang singkat. Ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Kenyataan ini dibuktikan berdasarkan perbandingan peratusan markah yang dicapai pelajar dalam pra ujian dan pos ujian.

2.9 Rumusan

Kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam pengajaran Al-Quran. Namun, kaedah-kaedah yang digunakan pada umumnya berasaskan dua perspektif utama dalam pengajaran bahasa iaitu perspektif fonem dan perspektif linguistik. Kedua-dua perspektif ini bukan sahaja mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, malah turut mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Arab dan Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun hasil kajian ini akan membuktikan pendekatan yang memperkenalkan huruf-huruf mudah yang mempunyai sebutan bunyi yang hampir sama dalam Bahasa Melayu akan membantu murid lebih mudah dan cepat menguasai kemahiran asas literasi Al-Quran berbanding kaedah dan pendekatan lain. Inilah asas pendekatan yang digunakan di dalam Kaedah Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran : Kaedah Gabungan Bunyi Kata di mana huruf-huruf hijaiyah dipecahkan kepada dua kumpulan utama. Kumpulan huruf pertama adalah huruf-huruf yang mudah disebut manakala kumpulan kedua adalah huruf-huruf yang agak sukar disebut atau dibunyikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa perkara penting berkaitan dengan metod penyelidikan yang digunakan untuk menyempurnakan kajian ini. Gay (2008), menyatakan bahawa metodologi kajian akan memberi penjelasan mengenai prosedur pengumpulan data dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrumentasi kajian. Bab ini menerangkan reka bentuk kajian yang digunakan, persampelan kajian, instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data-data berkaitan kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan motivasi murid-murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas.

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang bertujuan melihat perbandingan kesan dua kaedah pengajaran iaitu Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan Kaedah Iqra'. Menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian yang dijalankan hendaklah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan yang bersesuaian dengan objektif kajian kerana ia merupakan rangka keseluruhan penyelidikan melibatkan corak kajian yang dilaksanakan, sumber maklumat, kaedah untuk dapatkan maklumat, jenis maklumat yang dikumpulkan dan kaedah pemprosesan setiap maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan adalah merupakan satu proses untuk mengumpul, menganalisis dan menterjemahkan maklumat atau dapatan untuk menjawab persoalan kajian, Wiersma (1986). Bab ini menerangkan secara jelas tentang langkah-langkah berhubung teknik pengumpulan data kajian. Bahagian akhir bab ini menerangkan kaedah analisis data yang diperolehi bagi menentukan kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran terhadap literasi Al-Quran dan motivasi murid-murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan kaedah kajian kuantitatif (kuasi-eksperimen). Penyelidikan eksperimen terbahagi kepada dua jenis. Pertama, penyelidikan eksperimen pada dasarnya adalah pengamatan atau pemerhatian terhadap munculnya sesuatu kesan ke atas pemboleh ubah bersandar yang disebabkan oleh pemboleh ubah bebas melalui suatu usaha yang sengaja dijalankan oleh penyelidik (Gall & Borg 2005). Kedua, penyelidikan eksperimen merupakan penyelidikan yang benar-benar dapat menguji hipotesis tentang hubungan sebab akibat. Kajian eksperimen ini merupakan modifikasi sesuatu keadaan yang dijalankan secara sengaja dan terkawal dalam menentukan peristiwa atau kejadian, serta pengamatan terhadap perubahan yang terjadi pada peristiwa itu sendiri (Wahidin 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif (kuasi-eksperimen) sepenuhnya iaitu hanya melibatkan ujian pra dan ujian pasca untuk melihat bandingan antara dua kaedah pengajaran Al-Quran kepada 3 kumpulan murid. Menurut pandangan Ary et al. (2006); dan Creswell (2008) reka bentuk ujian pra-pasca merupakan reka bentuk yang paling kerap digunakan dalam kaedah penyelidikan kuasi-eksperimen. Kajian ini berbentuk Kajian Kuasi Eksperimen, di mana sampel tidak dipilih secara rawak. Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen terpaksa digunakan disebabkan sampel yang sukar diperolehi dalam saiz yang besar. Saiz sampel yang kecil menyebabkan kajian ini tidak dapat dijalankan secara eksperimen sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chua Yan Piaw (2006), reka bentuk kuasi-eksperimen digunakan apabila pengagihan rawak tidak dapat dilakukan dalam proses pemilihan responden kajian. Sampel kajian ini melibatkan 6 orang murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Menengah di Daerah Hilir Perak. Kumpulan sampel yang dipilih adalah murid-murid bermasalah pembelajaran Melayu yang beragama Islam. Pemilihan sekolah atau lokasi kajian adalah secara rawak bertujuan. Lokasi ini dipilih berdasarkan faktor murid yang dapat memenuhi saiz sampel yang diperlukan, faktor pencapaian, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sedia ada seperti buku Iqra', carta dan kad imbasan dan kaedah guru yang diamalkan iaitu penggunaan kaedah Iqra' yang diperlukan di dalam kajian ini untuk tujuan perbandingan.

Kajian ini menggunakan seramai 6 orang murid Islam yang terdiri daripada 3 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Menurut Kazdin (1982), kajian yang berbentuk eksperimental, di mana kajian dibuat untuk melihat kesan sesuatu rawatan ke atas sampel untuk tujuan penulisan saiz sampel minimum adalah sekurang-kurangnya 3 orang. Manakala untuk tujuan perbandingan, sampel tunggal adalah memadai.

Kajian ini berbentuk Kuasi-Eksperimen, sampel dibahagi secara rawak bertujuan iaitu murid-murid bermasalah pembelajaran dan juga jantina bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan seperti dalam jadual di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Ujian Pra dan Ujian Pos

Kumpulan Eksperimen (1)	Ujian Pra	X*	Ujian Pos
Kumpulan Kawalan	Ujian Pra	Y*	Ujian Pos

X* Pengajaran menggunakan Kaedah Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran selama enam minggu

Y* Pengajaran menggunakan Kaedah Iqra' selama enam minggu

Pendekatan pengajaran yang digunakan terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menjadi pembolehubah bebas dalam kajian ini. Manakala tahap literasi dan motivasi murid menjadi pembolehubah bersandar. Tahap pencapaian literasi murid akan diukur menggunakan ujian pencapaian yang telah dibina. Ujian pencapaian ini akan digunakan sebagai pra ujian dan pos ujian yang akan ditadbir kepada semua sampel terlibat. Menurut Mohd Majid Konting (2005), sebelum sampel diberi olahan, cerapan dilakukan dengan menggunakan pra ujian bagi menentukan kedudukan sampel. Selepas olahan diberi, cerapan dilakukan sekali lagi bagi menentukan kedudukan sampel dengan menggunakan pasca ujian. Reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kuasi-eksperimen. Reka bentuk kajian ini dijelaskan seperti gambarajah di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran

Kaedah ini dibinakan mengikut peringkat-peringkat tertentu. Kaedah ini menggunakan pendekatan gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan seluruh perkataan (whole word). Keistimewaan kaedah ini adalah huruf-huruf hijaiyah disusun mengikut susunan mudah sebutan huruf dalam Bahasa Melayu. Pendekatan yang digunakan dalam kaedah ini adalah memastikan pembelajaran Al-Quran mudah, cepat dan menarik. Ketiga aspek tersebut sangat penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran Al-Quran khususnya untuk murid-murid bermasalah pembelajaran.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan buku (1) iaitu peringkat paling asas dalam kaedah ini. Di dalam buku (1) terdapat beberapa unit yang disusun berdasarkan kaedah ansur maju. Buku (1) mengandungi lima komponen utama iaitu huruf hijaiyah asas, huruf mad, tanwin, sukun, dan shaddah. Komponen-komponen tersebut dibahagikan kepada 12 aras berdasarkan konsep pedagogi dalam pendidikan. Pembahagian aras tersebut bukan sahaja bertujuan memudahkan pemahaman murid terhadap pembelajaran bahkan bertujuan membantu guru mengenalpasti tahap kemahiran seseorang murid dengan tepat dan jelas.

Aras-aras tersebut adalah seperti berikut : Aras 1 : Membunyikan huruf hijaiyah mudah berbaris satu, Aras 2 : Membunyikan huruf mudah dengan bacaan mad, Aras 3 : Membunyikan huruf mudah berbaris tanwin, Aras 4 : Membunyikan huruf hijaiyah sukar berbaris satu, Aras 5 : Membunyikan huruf sukar dengan bacaan mad, Aras 6 :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membunyikan huruf sukar berbaris tanwin, Aras 7 : Membaca perkataan berbaris satu, Aras 8 : Membaca perkataan dengan huruf mad dan berbaris tanwin, Aras 9 : Membaca perkataan bertanda sukun, Aras 10 : Membaca perkataan bertanda saddah, Aras 11 : Membaca perkataan campuran, Aras 12 : Membaca frasa dan ayat pendek.

Setiap murid perlu menguasai sesuatu aras tertentu sebelum dapat berpindah ke aras yang lebih tinggi. Pengulangan bagi mereka yang gagal akan dijalankan dengan menggunakan pendekatan lain yang difikirkan lebih berkesan bergantung kepada kemampuan dan kebolehan murid.

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK adalah berasaskan kaedah KGBK. Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) bermaksud gabungan pendekatan fonik (bunyi) dengan pendekatan ’seluruh perkataan’ (whole word). Pendekatan yang digunakan masih berasaskan ciri-ciri istimewa Bahasa Melayu. Pada permulaan pengajaran, murid akan diajar dengan huruf-huruf hijaiyah yang mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Sebanyak 15 huruf hijaiyah yang mudah telah dipilih berdasarkan pemilihan huruf dalam Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK. Huruf-huruf hijaiyah yang mudah dipilih berdasarkan kekerapan sebutan mudah yang sama digunakan dalam Bahasa Melayu dan perbezaan bentuk huruf untuk menggelakkan murid keliru. Manakala 13 huruf hijaiyyah yang selebihnya akan diajar kemudian disebabkan sebutan hurufnya lebih sukar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK menyatakan murid akan diajar dengan 3 huruf hijaiyyah yang popular dan mudah disebut murid iaitu أَ بَ تَ. Di unit 1, murid akan diajar membaca أَ اِ أُ , بَ بِ بُ , تَ تِ تُ . Murid akan diajar dengan kemahiran membaca huruf baris atas, baris bawah dan baris depan. Kemudian di unit 2, murid akan diajar dengan membaca 3 lagi huruf iaitu دَ دِ , رَ رِ رُ , مَ مِ مُ . Di unit 2, murid sudah diajar membina dan membaca perkataan bermakna berdasarkan 6 huruf hijaiyyah yang telah boleh dibaca. Contohnya perkataan أَمَرَ , رَتِبَ , بَدَرَ . Murid bukan sahaja diajar membina dan membaca perkataan malah turut dijelaskan dengan makna perkataan yang dibaca.Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Pengajaran di peringkat unit 2 boleh dijalankan dalam 2 waktu pengajaran yang hanya mengambil masa selama satu jam sahaja. Dalam 2 waktu pengajaran selama satu jam, murid sudah boleh membina dan membaca perkataan Bahasa Arab atau Quranic Words. Murid **tidak perlu diajar** mengenal kesemua huruf hijaiyyah ***'alif, ba, ta, tsa, jim, ha, kho*** (أَ , بَ , تَ , ثَ , جَ , حَ , خَ) … hingga ke .. ***'ya'*** (يَ) mengikut turutan dalam huruf hijaiyyah, sebelum mereka diajar membaca perkataan. Kaedah (KGBK) ini bertujuan memudahkan murid diajar dan belajar membaca Al-Quran dengan mudah dan cepat. Apabila murid boleh membaca beberapa perkataan Bahasa Arab dalam tempoh yang singkat iaitu 2 waktu selama satu jam, keinginan dan tahap motivasi diri mereka untuk belajar Al-Quran akan meningkat. Ini kerana mereka akan berasa mudah membaca dan belajar Al-Quran. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan murid belajar malah akan memudahkan guru mengajar. Inilah prinsip asas dalam pedagogi pengajaran Al-Quran ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya di unit 3, murid akan diperkenalkan dengan 3 lagi huruf hijaiyyah mudah iaitu سَ سِ سُ , جَ جِ جُ , لَ لِ لُ . Murid terus diajar membina dan membaca perkataan berdasarkan campuran 9 huruf hijaiyyah yang sudah dipelajari. Kemudian di unit 4, murid akan diajar 6 huruf hijaiyyah mudah iaitu كَ كِ كُ , نَ نِ نُ , فَ فِ فُ , هَ هِ هُ , وَ وِ , يَ يِ يُ وُ Murid juga akan diajar membina dan membaca lebih banyak perkataan bermakna berasaskan campuran kesemua 15 huruf yang telah dipelajari. Di peringkat ini, murid bukan sahaja boleh membaca perkataan yang telah diajar malah boleh membaca sendiri perkataan-perkataan lain yang dibina berdasarkan 15 huruf hijaiyyah yang telah dipelajari.

Setelah mempelajari 15 huruf hijaiyyah mudah dan membaca perkataan bermakna yang dibina berdasarkan 15 huruf hijaiyyah tersebut, murid akan diajar membaca bacaan mad (bacaan panjang). Kesemua 15 huruf mudah akan digabungkan dengan huruf mad iaitu أ و ي untuk bacaan mad. Contohnya دَ دِ دُبَا , تَا تِي تُو , بِي بُو . Pengajaran di unit 5 iaitu bacaan mad tidak memerlukan tempoh waktu yang panjang kerana murid sudahpun mengenali kesemua 15 huruf hijaiyah mudah. Bezanya, murid hanya perlu memanjangkan bacaan mad dengan kadar dua harakat apabila huruf hijaiyah tunggal berbaris satu disambung dengan salah satu huruf mad iaitu أ و ي . Di unit ini juga, murid diajar membaca perkataan yang dibina berdasarkan bacaan mad. Contohnya seperti ءَادَمُ , كُونِى , أَكِيدُ .

Seterusnya murid akan diajar bacaan tanwin iaitu huruf hijaiyyah mudah baris dua. Pengajaran bacaan tanwin juga tidak memerlukan tempoh waktu yang panjang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana murid cuma perlu menambah huruf ’n’ dalam setiap baris bacaan seperti ’ an , in, un ’. Bacaan tanwin berbeza dari segi baris dan sebutannya. Di unit ini juga, murid diajar membaca perkataan yang dibina berdasarkan bacaan tanwin. Contohnya seperti كِتَابٌ , لَبَنٌ , سَفَرًا .

Selesai mempelajari unit 6, murid sudah dapat membaca sekurang-kurangnya 45 perkataan bermakna dalam Bahasa Arab. Pendekatan yang digunakan bukan sahaja capat dan mudah malah dapat meningkatkan tahap motivasi dan keseronokan murid untuk terus belajar Al-Quran. Di setiap unit, huruf hijaiyah yang diajar mempunyai bentuk huruf yang sangat berbeza bertujuan menggelakkan kekeliruan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan dan aliran pengajaran yang sama akan digunakan untuk mengajar murid huruf-huruf hijaiyah yang sukar dalam unit-unit seterusnya. Huruf hijaiyah tersebut seperti ضَ ضِ ضُ , صَ صِ صُ, ظَ ظِ ظُ , طَ طِ طُ , ثَ ثِ ثُ , قَ قِ قُ , حَ حِ حُ , خَ خِ خُ , غَ غِ غُ , عَ عِ عُ , شَ شِ شُ , زَ زِ زُ , ذَ ذِ ذُ . Huruf hijaiyyah yang sukar hanya akan diajar setelah murid berjaya membunyikan huruf dan membaca perkataan yang dibina daripada 15 huruf hijaiyyah yang mudah. Prinsip dan asas yang sama digunakan untuk mengajar 13 huruf hujaiyyah yang sukar iaitu memahirkan murid dengan bacaan baris satu atas, bawah dan depan. Murid diajar membaca perkataan bermakna yang dibina berdasarkan huruf hijaiyyah mudah yang telah dipelajari termasuk 15 huruf hijaiyyah mudah.

Setelah murid berjaya membaca kesemua huruf hijaiyyah dan perkataan bermakna, barulah murid akan diajar dengan bacaan sukun dan bacaan saddah yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan kesemua huruf hijaiyah mudah dan sukar. Di unit akhir, murid akan diajar membaca beberapa frasa mudah sebelum diajar membaca beberapa ayat Al-Quran yang mudah dan ringkas.

Berdasarkan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK, murid bukan sahaja dapat menguasai bacaan Al-Quran dengan cepat dan mudah malah dapat mengatasi masalah yang sering dihadapi murid iaitu ’tersangkut’ pada beberapa huruf hijaiyah sukar yang akan menyebabkan murid tidak boleh diajar membaca perkataan. Pada dasarnya kaedah ini berasaskan kepada beberapa perkara seperti gabungan ciri-ciri yang baik dari kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan. Selain itu, murid boleh membina dan membaca perkataan tanpa perlu menguasai kesemua huruf hijaiyah. Kaedah ini juga dapat membantu murid yang mengikuti kaedah ini akan mempunyai perbendaharaan kata Bahasa Arab yang mencukupi untuk membantu mereka untuk terus belajar.

Secara lebih jelas langkah-langkah pendekatan pengajaran berdasarkan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK adalah seperti berikut :

Langkah 1

1. Mulakan dengan memperkenalkan bunyi tiga huruf hijaiyah yang biasa dan mudah berbaris satu atas, bawah dan depan.

أَ اِ اُ بَ بِ بُ تَ تِ تُ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Murid diajar membunyikan huruf hijaiyah berbaris satu dengan betul.

Langkah 2

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bunyi tiga lagi huruf hijaiyah berbaris satu atas, bawah dan depan yang mempunyai sebutan hampir sama dalam sebutan dalam Bahasa Melayu.

دَ دِ دُ رَ رِ رُ مَ مِ مُ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membunyikan huruf.
3. Murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari enam huruf hijaiyah yang telah dipelajari. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya :

أَ + مَ + دُ = أَمَدُ بَ + رُ + دَ = بَرُدَ رَ + تَ + بَ = رَتَبَ

Melalui kaedah ini, murid dapat belajar membina dan membunyikan huruf hijaiyah berbaris satu dan beberapa perkataan mudah yang bermakna dalam satu atau dua pelajaran sahaja. Murid tidak perlu belajar mengecam seluruh perkataan. Pendekatan ini membolehkan murid belajar membunyikan huruf hijaiyah dan membaca beberapa perkataan tanpa perlu mengenal dan menghafal kesemua huruf hijaiyah. Ia memudahkan guru mengajar dan murid belajar membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 3

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bunyi tiga lagi huruf hijaiyah berbaris satu atas, bawah dan depan yang mempunyai sebutan hampir sama dalam sebutan dalam Bahasa Melayu.

لَ لِ لُ جَ جِ جُ سَ سِ سُ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membunyikan huruf hijaiyah dengan jelas.
3. Murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari enam huruf hijaiyah yang telah dipelajari. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya :

أَ + جَ + لَ = أَجَلَ وَ + جَ + دَ = وَجَدَ دَ + رَ + سَ = دَرَسَ

Langkah 4

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bunyi enam lagi huruf hijaiyah berbaris satu atas, bawah dan depan yang mempunyai sebutan hampir sama dalam sebutan Bahasa Melayu.

فَ فِ فُ نَ نِ نُ كَ كِ كُ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

يَ يِ يُ وَ وِ وُ هَ هِ هُ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membunyikan huruf hijaiyah dengan jelas.
3. Murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari kesemua lima belas huruf hijaiyah mudah yang telah dipelajari. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Contohnya :

كَ + سَ + لَ = كَسَلَ فَ + هِ +مَ = فَهِمَ أَ + مِ + نَ = أَمنَ

Langkah 5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan huruf mad أ و ي dan bacaan mad berasaskan lima belas huruf hijaiyah mudah yang telah dipelajari. Contohnya :

لاَ لِي لُو جَا جِي جُو سَا سِي سُو

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan mad dengan jelas.
3. Seterusnya murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari bacaan mad lima belas huruf hijaiyah yang dipelajari.

Contohnya :

نُورِي دَابِرَ بُيُوتِي

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 6

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bacaan tanwin baris dua atas, bawah dan depan berasaskan lima belas huruf hijaiyah mudah yang telah dipelajari. Contohnya :

سًا سٍ سٌ جًا جٍ جٌ نًا نٍ نٌ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan mad dengan jelas.
3. Seterusnya murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari bacaan huruf baris tanwin lima belas huruf hijaiyah yang dipelajari. Contohnya :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

كِتَابٌ لَبَنٌ سَفَرًا

Langkah 7

1. Murid mula diajar membunyi lima huruf hijaiyah yang sukar berbaris satu atas, bawah dan depan.

قَ قِ قُ حَ حِ حُ ثَ ثِ ثُ

خَ خِ خُ شَ شِ شُ

2. Murid diajar membunyikan huruf hijaiyah berbaris satu dengan betul.
3. Murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermakna dari huruf hijaiyah yang telah dipelajari termasuk lima huruf hijaiyah yang sukar. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Contohnya :

شَكَرَ　　خَلَقَ　　أَثَرَ

Langkah 8

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bunyi empat lagi huruf hijaiyah sukar berbaris satu atas, bawah dan depan.

عَ عِ عُ　　ضَ ضِ ضُ　　صَ صِ صُ

غَ غِ غُ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membunyikan huruf hijaiyah dengan jelas.
3. Murid terus diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari semua huruf hijaiyah yang telah dipelajari. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan. Contohnya :

فَرَضَ　　عَبَدَ　　صَبَرَ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 9

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bunyi tiga lagi huruf hijaiyah sukar berbaris satu atas, bawah dan depan.

ذَ ذِ ذُ ظَ ظِ ظُ طَ طِ طُ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membunyikan huruf hijaiyah dengan jelas.
3. Murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari huruf-huruf hijaiyah yang telah dipelajari. Dalam kaedah ini, murid diberi asas kemahiran untuk mengesan sesuatu perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya :

زَعَمَ حَفِظَ طَبَعَ

Langkah 10

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan huruf mad أ و ي dan bacaan mad berasaskan lima belas huruf hijaiyah sukar yang telah dipelajari. Contohnya :

شَا شِي شُو غَا غِي غُو خَا خِي خُو

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan mad dengan jelas.
3. Seterusnya murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bermakna dari bacaan mad yang telah dipelajari. Contohnya :

ثَالِثَ عُوقِبَ طَعَامَ

Langkah 11

1. Kemudian murid diperkenalkan dengan bacaan tanwin baris dua atas, bawah dan depan berasaskan kesemua huruf hijaiyyah sukar yang telah dipelajari. Contohnya :

قًا قٍ قٌ صًا صٍ صٌ ذًا ذٍ ذٌ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan.
3. Seterusnya murid diajar membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari bacaan huruf baris tanwin lima belas huruf yang dipelajari. Contohnya :

عَجَبًا صَالِحًا خَشِعَةٌ

Langkah 12

1. Seterusnya murid diajar membaca perkataan yang mengandungi bacaan sukun berasaskan kesemua huruf hijaiyah yang telah dipelajari. Contohnya :

بَثْ شَرْ طِبْ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan sukun dengan jelas.
3. Seterusnya murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari bacaan sukun yang telah dipelajari. Contohnya :

عَفْوًا أَشْهَدُ شُكْرًا

Langkah 13

1. Seterusnya murid diajar membaca perkataan yang mengandungi bacaan shaddah berasaskan kesemua huruf hijaiyah yang telah dipelajari.

Contohnya :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

بَبَّ شَكُّ صَرَّ

2. Guru boleh menggunakan kad imbasan untuk melatih murid membaca bacaan shaddah dengan jelas.
3. Seterusnya murid diajar untuk membina dan membunyikan beberapa perkataan yang bermakna dari bacaan shaddah yang telah dipelajari. Contohnya :

كَذَّبَ يَظُنَّ تَحِلُّ

Berdasarkan langkah-langkah yang dinyatakan, dapat dilihat bahawa pemeringkatan isi pelajaran Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran disusun secara ‘sequential’ atau secara ansur maju atau bertambah berkembang. Selain itu, dapat dilihat penyusunan huruf berdasarkan huruf yang paling kerap dan biasa digunakan dalam bahasa Melayu. Selain itu, gabungan pendekatan fonik dan seluruh perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan murid belajar membaca perkataan lebih cepat iaitu sebelum mengenal kesemua huruf terlebih dahulu. Pendekatan ini dapat menjadikan pembelajaran lebih mudah dan cepat. Pendekatan ini juga dapat membantu meningkatan tahap keyakinan dan minat murid untuk terus belajar.

3.4 Subjek Kajian

Dalam kajian ini tiga elemen utama diberi penekanan iaitu pemilihan sekolah, pemilihan sampel kajian dan guru Pendidikan Islam pendidikan yang terlibat. Huraian prosedur pemilihan sekolah, sampel kajian dan guru yang terlibat adalah seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pemilihan Sekolah

Kajian ini melibatkan murid-murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas. Lokasi kajian yang dipilih adalah Program Pendidikan Khas Integrasi (Bermasalah Pembelajaran) di dua buah sekolah menengah yang terletak di Daerah Hilir Perak, Perak.

Kumpulan eksperimen dipilih daripada murid-murid kelas pendidikan khas Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa, Teluk Intan. Sekolah ini adalah sekolah menengah harian yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi. Kumpulan kawalan dipilih daripada murid-murid kelas pendidikan khas Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menengah Kebangsaan Hutan Melintang, Hutang Melintang. Sekolah ini juga adalah sekolah menengah harian yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi. Kedua-dua sekolah ini terletak di daerah yang sama iaitu Daerah Hilir Perak, Perak.

Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana sekolah ini dapat memenuhi bilangan sampel yang diperlukan untuk kajian ini. Selain itu, faktor kemudahan yang terdapat di sekolah ini seperti kemudahan multimedia juga menjadi sebab mengapa sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian. Pencapaian semasa murid yang kurang memberangsangkan di dalam pelajaran Al-Quran turut menjadi faktor sekolah ini dipilih selain kaedah Iqra' yang telah lama dipraktikkan di sekolah ini. Penggunaan kaedah ini diperlukan dalam kajian ini untuk tujuan perbandingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, faktor-faktor sampingan yang menjadi pertimbangan pengkaji adalah jarak lokasi yang hampir, koordinat lokasi yang mudah dilawati yang turut memberi kesan kepada tempoh dan kos kajian ini.

3.4.2 Pemilihan Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih di kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran yang sedang belajar di Kelas Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (Bermasalah Pembelajaran). Sampel kajian dipilih selepas ujian diagnostik dijalankan ke atas murid-murid pendidikan khas di dua buah Program Pendidikan Khas Integrasi (Bermasalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran) sekolah menengah Daerah Hilir Perak, Perak. 3 orang murid dari setiap sekolah telah dipilih sebagai sampel. 3 orang murid dari setiap sekolah akan diletakkan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Kumpulan sampel yang dipilih adalah murid-murid bermasalah pembelajaran berbangsa Melayu yang beragama Islam. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan beberapa faktor dan ciri-ciri yang dapat memenuhi keperluan kajian ini. Antara ciri-ciri sampel yang dipilih adalah murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran Al-Quran. Ciri ini ditentukan berdasarkan pencapaian terkini murid iaitu dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2013. Sampel yang dipilih adalah murid yang mendapat skor purata 33% dalam subjek Pendidikan Islam Peperiksaan Pertengahan Tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun untuk mendapatkan sampel yang memenuhi kehendak kajian, satu ujian diagnostik literasi Al-Quran telah dijalankan ke atas beberapa orang murid bermasalah pembelajaran untuk mengenalpasti tahap kebolehbacaan Al-Quran. Hasil ujian diagnostik yang dijalankan, seramai 6 orang murid bermasalah pembelajaran telah dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua murid ini dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran atau “slow learner” yang mempunyai tahap kognitif yang sama. Kesemua sampel juga telah dikenalpasti bermasalah dalam literasi Al-Quran. Sampel yang dipilih adalah murid Melayu beragama Islam dan sedang belajar di Kelas Pendidikan Khas. Hasil pencapaian kesemua murid dalam ujian diagnostik menunjukkan kesemua sampel memiliki tahap kemahiran yang setara dalam literasi Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persampelan kajian ini melibatkan Kelas Pendidikan Khas Integrasi di dua buah Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak. Pemilihan sekolah dan lokasi kajian dibuat secara rawak bertujuan. Sekolah yang dipilih adalah dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Seramai 6 orang murid bermasalah pembelajaran yang terdiri daripada 3 orang lelaki dan 3 orang perempuan di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Hilir Perak telah dibahagi kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Pembahagian sampel adalah sama rata bagi setiap kumpulan. Kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dipilih daripada di sekolah yang berasingan untuk mengelakkan kesan pengaruh dalam kaedah pengajaran yang digunakan. Dua orang guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas telah dipilih untuk melaksanakan pembelajaran kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Seorang guru akan mengajar menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK, manakala seorang lagi akan mengajar menggunakan Kaedah Iqra'.

3.4.3 Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas

Kajian ini melibatkan dua orang guru pendidikan islam pendidikan khas. Guru yang dipilih dalam kajian adalah guru yang mempunyai kelayakan mengajar pendidikan islam di kelas pendidikan khas. Sebelum kajian dijalankan, guru yang terlibat akan diberi penerangan berkaitan kajian dan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan Kaedah Iqra' yang akan digunakan dalam kajian ini. Kumpulan eksperimen akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KGBK di sekolah A manakala kumpulan kawalan pula akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Iqra' di sekolah B. Kedua-dua kaedah ini akan diajar oleh dua guru yang berlainan bertujuan mengawal kemungkinan berlakunya "teacher effect" atau kesan guru yang dibimbangi akan mempengaruhi perbezaan dua kaedah pengajaran.

3.5 Alat Ukur Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan alat ukur kajian seperti berikut :

i. Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran.

ii. Temubual Guru.

iii. Temubual Murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Catatan Pemerhatian.

vi. Rakaman Video.

3.5.1 Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran

Kemahiran literasi Al-Quran sangat penting sebagai asas menguasai dan memahami bacaan Al-Quran. Tahap kemahiran murid dalam literasi Al-Quran harus dikesan dan ditentukan secara spesifik. Kegagalan mengesan dan menentukan tahap kemahiran atau kemampuan murid dalam literasi Al-Quran akan menimbulkan kesukaran kepada guru untuk membantu murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan ujian pencapaian ini ialah untuk mengesan dengan mudah dan spesifik aras kebolehan murid dalam literasi Al-Quran. Ujian pencapaian dibina selari dengan aras pembelajaran yang digunakan di dalam modul Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Apabila ujian pencapain ini dijalankan ke atas murid, guru akan dapat mengetahui dan mengesan secara spesifik aras kemahiran yang dimiliki oleh murid tersebut. Ujian pencapaian ini akan menentukan pada aras manakah murid tidak boleh membaca. Ini akan membantu guru memberikan bimbingan dan latihan yang sesuai untuk memulihkan dan meningkatkan kebolehan murid membaca.

Untuk memudahkan pengesanan taraf kebolehan murid membaca, ujian pencapaian ini dibahagikan kepada 12 aras. Pemeringkatan aras-aras ini berdasarkan prinsip dan pendekatan Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) Bahasa Melayu. Setiap aras itu lebih tinggi dari aras yang sebelumnya. Misalnya Aras 4 lebih sukar dari Aras 5. Aras 7 lebih sukar dari Aras 5 dan 6. Murid sukar membaca Aras 7 jika tidak menguasai Aras Aras 5 dan 6 sebelumnya. Sekiranya murid boleh membaca ayat-ayat Al-Quran pendek pada Aras 12, maka murid itu bolehlah dianggap ’boleh membaca’ Al-Quran yang mudah.

Tujuan Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran ini ialah menaksir aras kebolehan murid membaca dengan lebih spesifik iaitu dima aras murid boleh membaca dan dimana aras murid tidak boleh atau lemah membaca. Ia dibahagikan kepada 12 aras mengikut tahap kesukaran proses membaca Al-Quran dari mudah (Aras 1,2 dan 3) kepada yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih sukar (Aras 4 – 12) yang diasaskan kepada pendekatan KGBK. Secara umumnya 12 aras kebolehan membaca Al-Quran adalah seperti berikut :

Aras 1 : Membunyikan huruf hijaiyah mudah berbaris satu.

Aras 2 : Membunyikan huruf mudah dengan bacaan mad.

Aras 3 : Membunyikan huruf mudah berbaris tanwin.

Aras 4 : Membaca beberapa perkataan mudah.

Aras 5 : Membunyikan huruf hijaiyaah sukar baris satu dan bacaan mad.

Aras 6 : Membunyikan huruf sukar berbaris tanwin.

Aras 7 : Membaca perkataan berbaris satu.

Aras 8 : Membaca perkataan dengan huruf mad dan berbaris tanwin.

Aras 9 : Membaca perkataan bertanda sukun.

Aras 10 : Membaca perkataan bertanda saddah.

Aras 11 : Membaca perkataan campuran.

Aras 12 : Membaca frasa dan ayat pendek.

Panduan untuk mentadbir Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran

i. Ujian ini diberikan kepada guru yang terlibat dalam kajian ini sebelum kajian dimulakan. Setiap murid akan diuji secara individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Arahan umum : Guru menyuruh murid membunyikan huruf hijaiyyah berbaris satu atau membaca perkataan, bacaan mad, bacaan tanwin, bacaan sukun dan bacaan shaddah berdasarkan setiap aras.

iii. Guru menandakan / jika murid boleh menyebut atau membaca dengan betul. Jika murid tidak boleh membaca dengan betul, guru akan menulis ruang kosong apa yang murid sebut atau baca. Jika murid tidak boleh membaca, guru akan membiarkan ruang itu kosong.

iv. Guru akan mencatatkan tarikh ujian dan aras kebolehan murid membaca dalam buku rekod murid.

v. Ujian Diagnostik akan dijalankan setiap minggu sepanjang Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK digunakan untuk melihat perkembangan kemajuan murid. Guru akan mencatat aras kebolehan murid membaca dan tarikhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Temubual Guru

Borang Temu Bual Guru mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang guru yang ditemu bual. Maklumat latar belakang guru mengandungi 10 item seperti umur, jantina, bangsa, pengalaman mengajar, mata pelajaran diajar, tahap sekolah yang diajar, kelulusan akademik, pengkhususan dan kursus-kursus yang dihadiri termasuk kursus pendidikan khas. Manakala Bahagian B mengandungi 10 item berkaitan kaedah pengajaran, masalah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tahap kemahiran murid, penggunaan bahan bantu mengajar dan cadangan penambahbaikan.

3.5.3 Temubual Murid

Borang temu bual murid hanya mengandungi lima item mudah berkaitan kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam pengajaran. Item tersebut bertujuan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada murid yang terlibat tentang kaedah tersebut.

3.5.4 Catatan Pemerhatian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Catatan pemerhatian bertujuan mencatat semua perlakuan dan tindak balas murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas. Catatan yang dibuat ini dapat membantu pengkaji melihat kesan kaedah rawatan yang digunakan dengan lebih jelas dan tepat. Menurut Sulaiman (2002), salah satu cara yang boleh digunakan untuk mendapat data penyelidikan ialah melalui pemerhatian. Aspek-aspek yang diperhatikan berdasarkan item-item yang terdapat di dalam borang pencerapan standard kualiti pendidikan Malaysia 2010 berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nordin Tahir (2012), senarai semak adalah satu dokumen yang telah disenaraikan aspek-aspek pemerhatian dan penyelidik hanya diperlukan membuat tanda untuk merekod aspek-aspek pemerhatian ini. Dalam kajian ini, aspek-aspek tersebut sekadar menjadi garis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panduan kepada pengkaji dalam proses pemerhatian kajian. Catatan yang akan dibuat berbentuk huraian yang lebih jelas dan teliti. Bagi memastikan catatan pemerhatian yang dibuat lebih tepat dan boleh dipercayai, pengkaji tidak terlibat secara langsung dalam proses pengajaran untuk menggelakkan tingkah laku murid dipengaruhi kehadiran pengkaji. Cara ini juga bagi memastikan pengkaji mempunyai persepsi yang tepat terhadap aspek yang diperhatikan. Dengan penghayatan tersebut, pengkaji mempunyai persepsi yang benar mengenai maklumat yang dikumpul (Mohd. Majid 2000).

3.5.5 Rakaman Video

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakaman video akan dibuat semasa beberapa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Rakaman dibuat dengan keizinan guru yang terlibat. Hasil rakaman yang dibuat akan dianalisis secara teliti untuk melihat kesan kaedah terhadap penglibatan dan motivasi murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dibuat. Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Dato Sagor, Langkap, Teluk Intan, Perak. Menurut Chua (2006) kebaikan melaksanakan kajian rintis ialah data yang dikumpul mungkin akan memberi amaran kepada pengkaji bahawa kajian sebenar yang akan dijalankan akan bermasalah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

garis kasar cadangan kajian kurang mantap, atau instrumen kajian yang digunakan kurang sesuai. Kajian rintis merupakan bahagian penting bagi sebuah kajian yang baik. Walau bagaimanapun, kajian rintis yang dilakukan tidak dapat memastikan kejayaan kajian utama, tetapi ia boleh membantu pengkaji mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian utama yang bakal dijalankan (Hinton et al. 2004).

Kajian rintis telah dijalankan di kelas pendidikan khas sekolah menengah yang mempunyai ciri-ciri sekolah kajian sebenar. Seramai 4 orang murid bermasalah pembelajaran telah dipilih sebagai sampel kajian rintis. Kajian rintis ini dijalankan selama 3 minggu bertujuan menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Instrumen yang digunakan juga akan dapat diperbaiki berdasarkan dapatan yang diperolehi dalam kajian rintis yang dijalankan. Yin (1994) berpendapat kajian rintis dapat membantu penyelidik memperhalusi perancangan pengumpulan data. Marohani (2004) menyatakan bahawa kajian rintis ini bukan untuk mendapatkan data, tetapi lebih kepada untuk mempelajari proses kajian serta memperbaiki kelemahan yang ada dalam prosedur kajian dan instrumen kajian yang telah dirangka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kesahan dan Kebolehanpercayaan Instrumen

3.7.1 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana sesuatu ujian itu mengukur secara konsistennya perkara yang ujian tersebut seharusnya mengukur (Gay, Mills & Airasian, 2006). Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), secara umumnya kebolehpercayaan atau reliabiliti merupakan ukuran sesuatu instrumen penyelidikan dalam mengukur permasalahan (pembolehubah) kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Di Malaysia ataupun luar negara tiada ketetapan standard yang dibuat untuk nilai kebolehpercayaan. Di Malaysia contohnya Mohd Majid Konting (1998) menyatakan sekurang-kurangnya 0.60, manakala Wan Abdul Kader Wan Ahmad menyatakan sesuatu alat ukuran kajian dianggap memenuhi nilai kebolehpercayaan jika nilai alpha melebihi 0.3 pada aras signifikan 0.5.

Contoh di luar negara misalnya Hopkins (1998) menyatakan nilai kebolehpercayaan paling minima ialah 0.90. Menurut Kerlinger (1986) pula nilai yang baik bagi sesuatu alat ukuran ialah pada nilai alpha melebihi 0.6. Manakala menurut Gay (1996) nilai Cronbach Alpha seharusnya melebihi 0., bagaimanapun menurut beliau nilai alpha 0.6 juga dikira baik dan masih boleh diterima pada aras signifikan 0.5. Dapatan dari kajian Rosseni Din et al. (2009), indeks kebolehpercayaan item secara keseluruhan adalah 0.83 bagi responden dan 0.96 bagi item. Ujian kebolehpercayaan dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selepas semakkan terakhir dilakukan terhadap instrumen kajian. Dalam kajian ini nilai kebolehpercayaan yang ditetapkan oleh pengkaji adalah tidak kurang 0.8.

Kebolehpercayaan alat ukur kajian ini dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian rintis yang dijalankan. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, semakan kesesuaian alat ukur kajian dibuat semula.

3.7.2 Kesahan

Kesahan merupakan aspek penting dalam sesuatu ujian. Kesahan sesuatu alat ukur kajian merujuk kepada kesesuaian alat tersebut mengukur apa yang hendak diukur. Sekaran (1992) menyatakan kesahan merujuk kepada sejauh mana instrumen mengukur konsep yang hendak diukur dan bukan perkara lain. Kesahan isi kandungan melibatkan penyiasatan secara sistematik isi kandungan ujian untuk menentukan bahawa isi kandungan ujian tersebut merangkumi perwakilan tingkah laku dalam domain yang hendak diukur (Gay, Mills & Airasian, 2006).

Diskriminasi item merujuk kepada keberkesanan sesuatu item untuk mendiskriminasikan antara murid berskor tinggi dengan murid berskor rendah dalam sesuatu ujian (Aiken & Groth-Marnat, 2006). Dalam kajian ini, kesahan dibuat dengan cara mendapatkan koefisien kesahan berdasarkan kepada dari skor kumalatif yang diperolehi daripada penilaian beberapa orang pakar yang berkaitan. Kesahan rancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran harian, ujian diagnostik, temubual guru, temubual murid dibuat oleh enam orang pakar dalam bidang yang berkaitan. Menurut Mohd Najib (1999) untuk mendapatkan kesahan, enam hingga sembilan pakar adalah memadai. Kesahan ujian diagnostik adalah pemeringkatan berdasarkan modul kaedah Al-Quran yang dibina. Jadual 3.2 menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Jadual 3.3

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Alat Kajian	**Kesahan**	**Kebolehpercayaan**
RPH	Pensyarah	
Ujian Pencapaian	Pensyarah	Kajian Rintis (0.88)
Temubual Guru	P.Pengarah SPI KPM	
Temubual Murid	Guru Pendidikan Islam	
	Guru Pendidikan Islam	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan nilai purata skor untuk pengesahan yang diberikan oleh pakar-pakar rujuk iaitu pensyarah, pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia dan guru-guru Pendidikan Islam terhadap kesahan RPH ialah 0.82; Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran ialah 0.88; kesahan Temubual Guru 0.98 serta kesahan Temubual Murid 0.76. Ini menandakan pakar rujuk mengesahkan bahawa alat ukur kajian ini sesuai dan boleh dilaksanakan. Ini menandakan bahawa pakar rujuk bidang bersetuju dengan item-item dalam ujian diagnostik literasi Al-Quran serta item-item temubual guru dan murid yang akan digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Pengendalian Eksperimen

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK berbanding Kaedah Iqra' terhadap literasi dan motivasi murid dalam pembelajaran Al-Quran. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat sejauhmana kaedah ini dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca Al-Quran berbanding dengan kaedah Iqra'.

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang melibatkan 2 kumpulan sampel. Setiap kumpulan akan diwakili seramai 3 orang murid. Dalam penyelidikan bidang pendidikan tidak semua pemboleh ubah dapat dikendalikan sepenuhnya. Pemilihan reka bentuk kuasi eksperimen ini adalah kerana kajian dijalankan di bilik darjah, dan jadual pengajaran tidak dapat diubah menurut kehendak pengkaji.

Kajian akan dibuat secara bandingan antara 2 kumpulan yang menggunakan dua pendekatan pengajaran berbeza iaitu Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan Kaedah Iqra'. Perbandingan dibuat untuk melihat kesan kaedah yang digunakan terhadap tahap literasi dan motivasi setiap kumpulan murid dalam pembelajaran Al-Quran. Kumpulan eksperimen (KE) adalah kumpulan murid yang akan belajar Al-Quran menggunakan pendekatan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK . Kumpulan kawalan (KK) pula adalah murid yang belajar Al-Quran menggunakan pendekatan Kaedah Iqra'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan 6 orang murid bermasalah pembelajaran di Kelas Pendidikan Khas Integrasi di dua buah Sekolah Menengah di Daerah Hilir Perak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa, Teluk Intan, Perak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang, Hutan Melintang, Teluk Intan, Perak. Pemilihan sekolah atau lokasi kajian adalah secara rawak bertujuan. Lokasi ini dipilih berdasarkan faktor murid yang dapat memenuhi saiz sampel yang diperlukan, faktor pencapaian, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran sedia ada seperti buku Iqra', carta dan kad imbasan dan kaedah guru yang diamalkan iaitu penggunaan kaedah Iqra' yang diperlukan di dalam kajian ini untuk tujuan perbandingan. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji akan menerangkan secara terperinci berkaitan tujuan dan metodologi kajian. Pengkaji juga akan menerang penggunaan pendekatan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK kepada guru yang terlibat. Selain itu, pengkaji akan berbincang dengan guru yang terlibat berkaitan pelaksanaan pengajaran sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Satu ujian diagnostik telah dijalankan ke atas beberapa orang murid bermasalah pembelajaran. Hasil ujian diagnostik yang dijalankan, seramai 6 orang murid bermasalah pembelajaran telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan 6 orang murid ini sebagai sampel kajian dibuat berdasarkan pengesahan pihak perubatan dan guru pendidikan khas. Kesemua murid ini dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran atau "slow learner". Kesemua sampel juga telah dikenalpasti bermasalah dalam literasi Al-Quran. Sampel yang dipilih adalah murid Melayu beragama Islam dan sedang belajar di Kelas Pendidikan Khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat awal kajian, , ujian diagnostik ditadbir ke atas murid di kedua-dua buah sekolah. Tujuan utama dijalankan ujian diagnostik ialah untuk mengetahui tahap kebolehan bacaan sampel yang telah dipilih. Setelah tahap kebolehan membaca murid dikesan dan ditentukan secara spesifik, pengajaran menggunakan pendekatan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dan Kaedah Iqra' dimulakan. Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK akan diajar bermula dari Unit 1 hingga Unit 18 dalam tempoh 6 minggu. Tarikh pembelajaran yang diikuti oleh setiap murid akan dicatatkan dalam rekod kemajuan murid. Sekolah A akan menggunakan pendekatan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK manakala sekolah B akan menggunakan pendekatan Kaedah Iqra'. Kajian ini dijalankan 3 kali seminggu, satu jam sehari selama 6 minggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada setiap minggu, penyelidik telah menjalankan ujian bacaan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan kanak-kanak. Melalui ujian bacaan yang dijalankan setiap minggu, penyelidik dapat melihat tahap perkembangan dan kemajuan kebolehbacaan setiap murid. Tujuan ujian ini dijalankan juga adalah untuk membantu guru membuat keputusan dalam pengajaran iaitu sama ada perlu menruskan pengajaran kepada aras yang seterusnya atau mengulang semula unit yang masih belum dikuasai murid. Selain itu, ujian-ujian yang dijalankan juga dapat membantu guru memastikan bahawa setiap murid telah menguasai sepenuhnya setiap unit yang telah dipelajari. Setelah tamat pengajaran selama enam minggu, satu ujian diagnostik akan ditadbir kepada murid sebagai penilaian akhir untuk melihat kesan kedua-dua pendekatan kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain ujian diagnostik literasi Al-Quran, instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini adalah temu bual yang akan dibuat dengan guru dan murid yang terlibat. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklum balas berkaitan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Temu bual akan dibuat secara naturistik untuk mendapatkan maklum balas yang lebih jujur dan tepat. Oleh itu, soalan yang dibina hanya sebagai garis panduan sepanjang temu bual dijalankan. Maklum balas temu bual di peringkat awal pengajaran akan terus dianalisis untuk tujuan soalan lanjutan pada temu bual akan datang. Temu bual akan dibuat secara berterusan dari masa ke semasa.

Catatan pemerhatian dibuat bertujuan mendapatkan gambaran yang jelas dan tersusun terhadap setiap peristiwa yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Turut diperhatikan adalah tingkahlaku setiap murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Antara perkara yang diperhatikan adalah apa yang dilakukan oleh guru kepada misalnya tindakan guru untuk mengatasi masalah yang dihadapi murid. Bagaimanakah proses pengulangan dilakukan sekiranya murid bermasalah dalam unit pembelajaran. Adakah guru melakukan pengukuhan dalam pengajaran misalnya memberi pujian dan token sebagai galakan.

Selain itu, turut diperhatikan adalah tindak balas murid terhadap pengajaran guru. Pemerhatian ini dibuat untuk melihat kesan kaedah yang digunakan terhadap pencapaian dan motivasi murid semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pemerhatian akan dibuat secara perhatian sepenuhnya dimana pengkaji tidak terlibat langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebelum pemerhatian dibuat, semua dokumen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperlukan telah lengkap disediakan seperti persiapan alatan teknikal untuk rakaman dan borang catatan. Keizinan daripada peserta juga telah diperolehi sebelum pemerhatian dijalankan.

Sebagai pengukuhan dalam proses pemerhatian, penyelidik turut membuat rakaman video untuk merakam semua aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Tujuan rakaman dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran. Rakaman video dibuat semasa beberapa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan keizinan guru yang terlibat.

Kajian hanya akan dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada pihak pentadbiran sekolah dan guru pendidikan islam pendidikan khas yang terlibat. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik telah membuat temu janji dengan 2 orang guru yang terlibat. Pertemuan dengan guru yang terlibat diatur untuk menerangkan tentang Kaedah Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK yang akan digunakan dalam pengajaran Al-Quran. Turut dibincangkan adalah waktu pelaksanaan pengajaran untuk kajian selama 6 minggu dan penyelarasan permulaan tajuk yang akan diajar dalam kedua-dua kaedah yang digunakan. Penyelarasan peemulaan tajuk penting supaya kedua-dua kaedah pengajaran yang akan digunakan bermula dengan tajuk pembelajaran yang sama dalam waktu yang sama. Ia perlu bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi sahih dan tepat. Penyelidik juga akan sentiasa memantau proses pengajaran dan pembelajaran guru dan murid dalam kedua-dua kaedah yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data dan skor yang diperolehi melalui ujian awal, ujian bacaan mingguan dan ujian akhir setiap murid dalam dua kumpulan kajian akan dianalisis secara skor individu dan skor min bagi setiap kumpulan. Skor pencapaian bagi setiap individu dan kumpulan akan diterangkan melalui graf, carta dan jadual. Skor individu dibuat berdasarkan markah yang diperolehi murid dalam setiap ujian yang dijalankan. Skor min pula dibuat berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi setiap kumpulan kajian. Skor setiap individu dan kumpulan akan dicatatkan dalam rekod kemajuan yang telah disediakan.

3.8.1 Kumpulan Eksperimen

Kumpulan Eksperimen dalam kajian ini adalah kumpulan murid yang menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Setelah menggunakan kaedah pengajaran ini selama enam minggu dalam pembelajaran Al-Quran, kesan terhadap literasi dan motivasi murid akan dinilai menggunakan instrumen kajian yang telah disediakan. Dalam kajian ini, terdapat satu kumpulan eksperimen iaitu kumpulan murid yang akan belajar menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Kumpulan eksperimen terdiri daripada murid-murid sekolah A. Kaedah ini akan diajar kepada kumpulan eksperimen oleh seorang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2 Kumpulan Kawalan

Kumpulan Kawalan dalam kajian ini adalah kumpulan murid yang menggunakan Kaedah Iqra' dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran. Pengajaran berlangsung selama enam minggu iaitu tempoh yang sama seperti kumpulan eksperimen. Setelah menggunakan kaedah pengajaran ini selama enam minggu dalam pembelajaran Al-Quran, kesan terhadap literasi dan motivasi murid akan dinilai menggunakan instrumen kajian yang telah disediakan. Kumpulan kawalan dari sekolah B ini akan diajar oleh guru yang khusus menggunakan Kaedah Iqra'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Mengikut Kumpulan

Kumpulan Eksperimen	**Kumpulan Kawalan**
1. Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK.	1. Kaedah Iqra'.
2. Tajuk pelajaran : Huruf hijaiyyah baris satu, baris satu, tanwin, mad, sukun dan shaddah.	2.Tajuk pelajaran : Huruf hijaiyyah satu, tanwin, mad, sukun.
3. Rancangan pengajaran yang digunakan digunakan disediakan oleh pengkaji berdasarkan Kaedah KGBK Al-Quran	3. Rancangan pengajaran yang berdasarkan Kaedah Iqra' Program j-Qaf di P. Khas.
4. Pengujian menggunakan Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran.	4. Pengujian menggunakan Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran.
5. Guru diberikan taklimat dan penerangan berkaitan pengajaran dan kajian.	5. Guru diberikan taklimat dan penerangan berkaitan pengajaran dan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3 Perbandingan Kaedah Pengajaran

Terdapat beberapa pendekatan atau kaedah mengajar Al-Quran atau Bahasa Arab (Quranic Words). Secara asasnya kesemua kaedah yang digunakan dipengaruhi oleh dua perspektif pemikiran yang utama. Perspektif yang pertama adalah berasaskan ilmu linguistik. Perspektif ini menyatakan bahawa bahasa terdiri daripada bunyi-bunyi asas yang disebut sebagai fonem. Adunan fonem ini akan membentuk perkataan dan ayat yang bermakna dan boleh difahami orang lain. Pendekatan yang berasaskan perspektif linguistik dinamakan kaedah fonik atau abjad-fonik. Berdasarkan kaedah fonik, murid diajar bermula dengan mengenal huruf dan bunyi huruf. Murid tidak boleh diajar membaca perkataan atau ayat sebelum dapat mengenal bentuk huruf dan menguasai kesemua bunyi huruf secara berturutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perspektif yang kedua pula berasaskan psikologi perkembangan kognitif bahasa murid. Perspektif ini menyatakan bahawa murid sentiasa member makna kepada pengalaman mereka termasuk bahasa. Berdasarkan perspektif ini, di peringkat permulaan membaca, murid perlu diajar dengan perkataan dan bahasa yang bermakna. Ini bermakna, murid akan diperkenalkan dengan perkataan-perkataan bermakna secara keseluruhan perkataan yang juga disebut sebagai kaedah whole word atau whole language. Perspektif ini beranggapan bahawa pendekatan seluruh bahasa atau perkataan lebih bermakna kepada murid berbanding dengan bunyi huruf (fonem) atau nama huruf dalam sesuatu perkataan. Berdasarkan kaedah seluruh perkataan, murid akan diperkenalkan dengan beberapa perkataan yang bermakna. Kemudian perkataan tersebut akan dipecahkan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dicerakinkan kepada suku kata. Murid akan diajar mengeja suku kata dan kemudian akan diajar menyebut dan mengenal huruf-huruf daripada suku kata.

Kedua-dua perspektif ini bukan sahaja mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, malah turut mempengaruhi pendekatan pengajaran dalam Bahasa Arab dan Al-Quran. Di Malaysia di antara kaedah popular yang digunakan dalam pengajaran Al-Quran adalah Kaedah Iqra'. Kaedah Iqra' diperkenalkan dan diterima pakai dalam sistem pendidikan Al-Quran di Malaysia. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia, menjadikan Kaedah Iqra' sebagai kaedah pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kaedah Iqra' merupakan kaedah pengajaran tilawah Al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi atau mengubahsuai kaedah lama iaitu Kaedah al-Bagdadi. Kaedah Iqra' disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam di Indonesia aiatu di mana bunyi huruf dipentingkan. Walaupun kaedah fonik popular di Indonesi namun kurang dikenali di Malaysia.

Kaedah Iqra' adalah pendekatan pengajaran Al-Quran yang dibina berasaskan perspektif ilmu lingustik. Secara asasnya Kaedah Iqra' adalah kaedah fonetik, di mana murid terus diperkenalkan kepada bunyi huruf hijaiyyah berbaris satu (baris atas sahaja) mengikut urutan. Berdasarkan Kaedah Iqra', murid hanya akan diajar membaca perkataan setelah berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu mengikut urutan. Dalam Buku 1 (Kaedah Iqra'), walaupun murid diajar membunyikan huruf hijaiyyah secara bercampur-campur (بَ تَ أَ), namun setiap huruf hijaiyyah berbaris satu akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diajar mengikut urutan أَ – يَ. Murid mesti dapat membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu sebelum diajar membaca perkataan di Buku 2 (Kaedah Iqra'). Murid tidak akan diajar membaca perkataan selagi murid belum berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah berbaris satu أَ – يَ. Setelah murid berjaya membunyikan semua huruf hijaiyyah baris satu, murid akan diajar membaca perkataan yang terdiri daripada perkataan baris satu dan campuran bacaan mad أ sahaja, contohnya تَرَ, ذَهَبَ, غَسَالَ. Murid akan diajar membaca perkataan-perkataan baris satu dan campuran bacaan mad secara bercampur tanpa mengikut urutan huruf. Setelah murid boleh membaca perkataan-perkataan dalam Buku 2 (Kaedah Iqra'), murid kemudian akan diajar untuk membunyikan huruf hijaiyyah baris bawah, bacaan sukun, huruf hijaiyyah baris depan, bacaan tanwin, bacaan saddah dan membaca ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Kaedah Iqra', murid yang tidak dapat membunyikan semua huruf hijaiyyah أَ – يَ, dianggap belum bersedia untuk diajar membaca perkataan atau dikategorikan sebagai murid lambat membaca. Murid ini akan diulang pengajaran membunyikan kesemua huruf hijaiyyah baris satu. Proses pengulangan bergantung kepada kemampuan murid untuk membunyikan kesemua huruf hijaiyyah baris satu. Situasi ini akan menyebabkan murid yang tidak dapat membunyikan kesemua huruf hijaiyyah ketinggalan dalam pelajaran Al-Quran, malah akan menyebabkan murid hilang minat dan motivasi untuk belajar Al-Quran. Akhirnya murid akan terus ketinggalan dengan tidak menguasai literasi Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini akan menggunakan kaedah mengajar Al-Quran atau Bahasa Arab (Quranic Words) yang berasaskan KGBK iaitu Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK. Berdasarkan kaedah ini, murid tidak perlu mengenal kesemua huruf hijaiyah أ - ي untuk mula membaca perkataan. Murid akan diperkenalkan beberapa huruf hijaiyah mudah berbaris satu atas, bawah dan depan di unit awal seperti أَ إِ أُ , بَ بِ بُ , تَ تِ تُ . Kemudian di unit seterusnya murid akan diperkenalkan beberapa lagi huruf hijaiyah mudah yang mempunyai sebutan bunyi huruf mirip Bahasa Melayu seperti دَ دِ دُ , رَ رِ رُ , مَ مِ مُ . Selepas menguasai unit ini, murid akan diajar membaca beberapa perkataan mudah yang dibina berasaskan huruf-huruf mudah yang telah dipelajari sebelumnya.

Keistimewaan kaedah ini adalah unit-unit pelajaran disusun secara ‘sequential’ iaitu ansur maju atau ‘bertambah berkembang’. Kejayaan menguasai pelajaran di unit-unit awal akan meningkatkan tahap keyakinan murid untuk terus mengembangkan bacaan seterusnya meningkatkan minat murid untuk terus belajar. Penyusunan huruf-huruf hijaiyah yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu di bahagian satu, 15 huruf hijaiyah mudah dan 13 huruf hijaiyah sukar di bahagian dua. Pembahagian huruf dibuat berasaskan huruf yang mudah disebut dan huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Pendekatan ini membantu murid belajar dengan lebih mudah dan cepat.

Menurut Isahak Haron (2008) tentang Mudah Belajar Jawi : Kaedah KGBK, menyatakan bahawa kita boleh mengajar kanak-kanak membaca dengan mengabungkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'bunyi' huruf vokal ***'alif ya wau'*** (و , ي , ا) dengan bunyi satu atau dua huruf konsonan, misalnya 'ba' ***(bh)*** 'ta' ***(teh)*** (ت , ب) membentuk suku kata 'ba bi bu'; (بو , بي , با) dan terus membina 'perkataan' seperti 'baba' (بابا); 'bibi' (بي بي); 'bubu' (بوبو); 'aba' (أبا) **;** 'abi' (بيا), 'abu' (بوا) supaya kanak-kanak boleh **membaca** 'perkataan' atau frasa lain seperti 'abi abu' (بيا بوا) atau 'bubu baba' (بوبو بابا). Ini boleh jalankan dalam dua atau tiga pelajaran saja (setengah jam bagi satu pelajaran). Jadi dalam satu setengah jam saja (dua atau tiga pelajaran) kanak-kanak normal boleh **'membaca perkataan'** atau **frasa jawi.** Kanak-kanak **tidak perlu diajar** mengenal semua huruf abjad jawi ***'alif, ba, ta, tha, dal, ra, sin*** (س , ر , ث , ت , ب , ا) hingga ke .. ***'nya'*** (ڽ) mengikut turutan dalam abjad, sebelum mereka diajar membaca perkataan.

Huruf vokal ***'alif, ya, wau'*** (و , ي , ا) diajar di peringkat awal dalam Mudah Belajar Jawi : KGBK sebab huruf-huruf tersebut adalah huruf yang paling perlu dan paling kerap digunakan dalam pembentukan dan ejaan perkataan-perkataan Melayu. Huruf-huruf ini mudah dibunyikan dan dibezakan bentuknya. Huruf vokal jawi padanan dengan huruf Rumi 'e' dikemudiankan kerana ia lebih sukar sedikit. Huruf 'e' mempunyai dua bunyi iaitu 'e' pepet seperti dalam perkataan 'emak' dan 'enam' dan 'e' taling seperti dalam 'ekor' dan 'elok'. Ini menyusahkan kanak-kanak kalau diajar pada peringkat awal. Huruf 'o' mempunyai bunyi yang hampir sama dengan 'u' dan ditulis dengan huruf vokal ***'wau'*** (و) dalam Jawi.

Murid kemudian diperkenalkan dua konsonan yang kerap dan popular disebut orang apabila mula belajar jawi: mengenal ***'alif, ba, ta'*** (ت , ب , ا). Ia senang disebut,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bunyinya jelas dan mudah ditulis. Huruf konsonan ***'kaf'*** (ک) pula diperkenalkan sebab banyak perkataan suku kata terbuka yang boleh dibentuk dan dibaca darinya. Ia juga agak mudah ditulis. Kemudian diperkenalkan huruf ***'dal'*** (د) dan ***'ra'*** (ر) sebab dua huruf ini mudah ditulis, dan tidak boleh di'sambung' selepasnya. Banyak perkataan suku kata terbuka boleh dibentuk darinya. Pendekatan ini akan memudahkan murid untuk menguasai pembelajaran dan dapat meningkatkan tahap keyakinan dan minat murid untuk terus belajar unit-unit seterusnya. Perbandingan Kaedah KGBK Mudah Belajar Al-Quran dan Kaedah Iqra' dapat dilihat dengan lebih jelas seperti jadual di bawah :

Jadual 3.5

Perbandingan Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK	**Kaedah Iqra'**
1. Mengunakan gabungan pendekatan Kaedah Fonik dan Kaedah Seluruh Perkataan.	1. Menggunakan pendekatan Kaedah Fonik.
2. Penyusunan huruf berdasarkan huruf paling dan kerap digunakan dalam bahasa Melayu.	2. Penyusunan huruf asal أ -ي
3. Pemeringkatan isi secara 'seqeuntial' ansur maju atau 'bertambah berkembang'.	3. Pemeringkatan isi sukar difahami.
4. Murid dapat membaca perkataan selepas mengenal beberapa huruf asas.	4. Murid hanya boleh diajar membaca selepas mengenal semua huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.4 Perancangan Kajian di Sekolah

Kajian ini dijalankan untuk melihat perbandingan di antara Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK dengan Kaedah Iqra' terhadap literasi dan motivasi murid bermasalah pembelajaran dalam pengajaran Al-Quran. Kajian dijalankan di dua buah sekolah menengah yang berlainan. Sekolah A akan menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK manakala sekolah B akan menggunakan Kaedah Iqra' dalam pembelajaran Al-Quran. Setiap kaedah akan diajar oleh seorang guru sahaja. Enam orang murid dipilih sebagai sampel kajian. Murid akan dibahagikan kepada dua kumpulan secara sama rata iaitu 3 orang setiap kumpulan. Kumpulan eksperimen akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK di sekolah A manakala Kumpulan kawalan akan belajar Al-Quran menggunakan Kaedah Iqra' di sekolah B.

Sebelum kajian dijalankan di kedua-dua buah sekolah, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah, pihak pentadbiran sekolah dan guru yang terlibat. Penyelidik bertemu dengan guru yang terlibat untuk menerangkan tujuan kajian dijalankan dan metod kajian yang akan digunakan.

Kajian akan dijalankan di dalam suasana pembelajaran formal iaitu di dalam bilik darjah. Sedikit perubahan dilakukan dalam kedudukan kelas iaitu hanya tiga meja dan kerusi murid dikekalkan berdasarkan bilangan murid dalam setiap kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persekitaran kelas selesa dan sesuai untuk tujuan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti situasi sebenar.

Pada peringkat awal, satu ujian diagnostik literasi Al-Quran ditadbir kepada semua sampel murid untuk mengenalpasti tahap kebolehbacaan murid. Ujian akan ditadbir secara lisan semasa waktu Pendidikan Al-Quran. Ujian akan dijalankan secara individu bagi setiap kumpulan serta mengikut kesediaan murid. Murid dikehendaki duduk berhadapan dengan guru ketika ujian dijalankan. Murid boleh memberi respons secara mengeja atau membaca terus.

Peringkat seterusnya, setiap kumpulan akan diajar menggunakan kaedah yang telah ditentukan sebanyak 3 waktu seminggu (1 waktu 1 jam) selama 6 minggu. Pada setiap minggu, penyelidik telah menjalankan ujian bacaan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan kanak-kanak. Melalui ujian bacaan yang dijalankan setiap minggu, penyelidik dapat melihat tahap perkembangan dan kemajuan kebolehbacaan setiap murid. Tujuan ujian ini dijalankan juga adalah untuk membantu guru membuat keputusan dalam pengajaran iaitu sama ada perlu menruskan pengajaran kepada aras yang seterusnya atau mengulang semula unit yang masih belum dikuasai murid. Selain itu, ujian-ujian yang dijalankan juga dapat membantu guru memastikan bahawa setiap murid telah menguasai sepenuhnya setiap unit yang telah dipelajari. Setelah tamat pengajaran selama enam minggu, satu ujian pencapaian akan ditadbir kepada murid sebagai penilaian akhir untuk melihat kesan kedua-dua pendekatan kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain ujian pencapaian, penyelidik juga akan menggunakan kaedah temu bual guru dan murid. Penyelidik juga akan membuat catatan pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Sebagai pengukuhan dalam proses pemerhatian, penyelidik turut membuat rakaman video untuk merakam semua aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Tujuan rakaman dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran. Rakaman video dibuat semasa beberapa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan keizinan guru yang terlibat.

Penyelidik juga akan sentiasa memantau proses pengajaran dan pembelajaran guru dan murid dalam kedua-dua kaedah yang digunakan sepanjang enam minggu tempoh kajian dijalankan. Perlaksanaan kajian akan dijalankan berdasarkan jadual di sebelah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Perancangan Pelaksanaan Kajian

Perancangan Pelaksanaan Kajian	
Tarikh	**Perkara**
Minggu 1 (15 April 2013)	Memohon kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah.
Minggu 2 (22 April 2013)	Pengesahan instrumen
Minggu 3 (29 April – 10 Mei 2013)	Menjalankan kajian rintis
Minggu 4 (15 Mei 2013)	Pembentangan kertas cadangan kajian
Minggu 5 (20 Mei 2013)	Penerangan dan perbincangan bersama guru terlibat untuk persediaan kajian.
Minggu 6 (10 Jun – 14 Jun 2013)	Ujian pra dibuat ke atas semua sampel
Minggu 7 – Minggu 12 (6 minggu) (17 Jun – 26 Julai 2013)	Kajian dijalankan serentak di kedua-dua buah sekolah.
Minggu 13 (29 Julai – 02 Ogos 2013)	Ujian pos dibuat ke atas semua sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Pelaksanaan Kajian di Sekolah

Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah dan pihak pentadbiran sekolah diperolehi terlebih dahulu sebelum kajian ini dijalankan. Selain itu, persetujuan guru Pendidikan Islam yang terlibat turut diperlukan.

Pertemuan dengan guru yang terlibat diatur untuk menerangkan dan membincangkan kaedah kajian yang akan dijalankan terhadap murid-murid bermasalah pembelajaran yang dipilih sebagai sampel selama enam minggu. Kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan sampel adalah murid bermasalah pembelajaran sekolah menengah, murid tanpa asas jawi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan secara eksperimental akan digunakan dalam kajian ini berdasarkan pra ujian dan pos ujian. Dalam kajian ini, 2 kumpulan 6 orang murid-murid bermasalah pembelajaran dijadikan sampel kajian. Kajian ini melibatkan sebuah Program Integrasi Kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Murid-murid tersebut dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan secara sama rata.

Kedua-dua kumpulan tersebut menjalani ujian pra dan ujian pasca dengan menggunakan Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran. Ujian pra dijalankan pada peringkat permulaan kajian iaitu sebelum penggunaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK untuk mengenal pasti tahap literasi Al-Quran. Tahap motivasi sedia ada di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran dalam pembelajaran Al-Quran akan dinilai melalui temubual berstruktur dengan guru dan murid yang terlibat. Seterusnya, pengkaji menjalankan kaedah rawatan iaitu pengajaran menggunakan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK bermula Unit 1 hingga Unit 12 selama lapan minggu terhadap kedua-dua kumpulan rawatan.

Manakala, kumpulan kawalan akan meneruskan pembelajaran menggunakan Kaedah Iqra' sebagaimana yang telah diamalkan guru sebelum ini. Setiap minggu murid akan diajar enam waktu. Setiap waktu selama 30 minit. Keseluruhan pengajaran adalah selama tiga jam seminggu selama lapan minggu. Jumlah keseluruhan pengajaran untuk kajian ini adalah dua puluh empat jam. Mohd Hanafi Jusoh & Iruwan Idris (2011), dalam kajian yang bertajuk Keberkesanan Kaedah Al-Hira' Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran di kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin hanya memperuntukkan tempoh sebulan atau 20 jam pengajaran untuk melihat keberkesanan Kaedah al-Hira'. Zainiah Mohd Isa (2010), dalam kajian bertajuk Penggunaan Buku Cerita Bertahap dan Kesannya Terhadap Pemunculan Literasi Kanak-kanak hanya memperuntukkan tempoh dua puluh minit sehari selama enam minggu atau keseluruhannya sepuluh jam untuk melihat kesan penggunaan buku cerita bertahap terhadap pemunculan literasi kanak-kanak.

